

ISU KALIMAH ALLAH

PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN
JABATAN PERDANA MENTERI

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian (termasuk teknik & konsep) daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, ataupun disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh

PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN
JABATAN PERDANA MENTERI

Cetakan Pertama 2013
Cetakan Kedua 2013

Edisi Kedua Cetakan Pertama 2014

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Muhammad Ariffin Ismail, 1959-

ISU KALIMAH ALLAH / Muhammad Ariffin bin Ismail, Prof. Madya
Dr. Khalif Muammar.

ISBN 978-967-12468-1-8

1. God (Islam). 2. Faith (Islam). 3. Faith and reason--Islam,
I. Khalif Muammar, Dr., 1972-, II. Judul : Malaysia.

Jabatan Perdana Menteri. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
297.2113

KANDUNGAN

I. PENGANTAR	v
II. Isu Nama Allah Dan Kaitannya Dengan Pluralisme Agama	
1. Nama Allah Menurut Pandangan Islam	1
2. Nama Allah Menurut Pandangan Barat	2
3. Konsep Nama Tuhan dalam Islam	2
4. Nama Tuhan Bagi orang kafir	3
5. Lafaz Allah meliputi Tuhan Sebagai Rabb (Tuhan yang mengatur alam) dan Tuhan yang disembah (Ilah), dan Tuhan yang memiliki nama dan sifat yang mulia (<i>Asmaul Husna</i>)	5
6. Nama Allah yang disebutkan oleh orang kafir dalam Al-Quran bukan Allah dalam konsep sebagai Rabb Dan Ilah	6
7. Kalimah Allah Bagi Masyarakat Arab Jahiliyyah	10
8. Penolakan Kristian Belanda Terhadap Penggunaan Kalimah Allah	11
9. Kristian Indonesia Menolak Kalimah Allah Untuk Nama Tuhan Mereka	12
10. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia	13
11. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan : Larangan Penggunaan Kalimah Allah dikalangan Orang Bukan Islam	13
12. Kalimah Allah dan Strategi Kristian	14
13. Kenyataan Tokoh Kristian Malaysia	16
14. Kalimah Allah dan Fahaman Pluralisme Agama	16
15. Penutup	19

III. Isu Nama Allah : Mengapa Orang Bukan Islam Tidak Berhak Menggunakan Nama Allah	
1. Kedudukan masalah	20
2. Allah sebagai Nama Khas	22
3. Apakah Tuhan orang Islam, Yahudi dan Nasrani sama?	26
4. Tentang orang Arab bukan Islam yang menggunakan nama Allah	32
5. Masyarakat Jahiliyah yang menyebut Allah	34
6. Bahaya pendekatan Litrelis	36
7. Kepentingan Kebijakan	38
8. Penutup	41
IV. LAMPIRAN	46

KATA PENGANTAR

EDISI KEDUA

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, kami memuji-Nya dan kami memohon pertolongan-Nya dan kami memohon keampunan-Nya, dan kami berlindung kepada Allah daripada keburukan diri kami dan daripada keburukan perbuatan kami.

Alhamdulillah, dengan taufik dan inayah Allah SWT risalah kecil Isu Kalimah Allah Edisi Kedua ini dapat diterbitkan. Isu kalimah Allah semestinya diteliti dengan adil dan sewajarnya kerana ia bukan sesuatu yang remeh sebaliknya menjadi perkara aqidah buat umat Islam. Edisi Pertama yang telah diterbitkan dan diulangcetak sebanyak dua kali pada tahun 2013 diharapkan telah dapat menjelaskan persoalan kekeliruan berhubung isu penggunaan kalimah Allah yang dituntut oleh masyarakat bukan Muslim sebagai terjemahan kepada God dan menjadi rujukan kepada masyarakat awam yang mengikuti perkembangan isu ini.

Memahami isu kalimah Allah adalah penting supaya keselarasan kefahaman di kalangan Umat Islam dapat diwujudkan. Justeru, akan membangkitkan kesedaran untuk bersama-sama mempertahankan nama Allah yang suci lagi mulia sebagai hak eksklusif umat Islam. Edisi kedua ini memuatkan pengakuan seorang paderi Kristian daripada Indonesia, Pdt. Jahya Iskandar, bahawa nama “Allah” adalah nama diri Tuhan atau sembahsan yang khas Islami. Kenyataan ini termuat dalam buku kajian beliau berjudul “Mengapa Nama Yahweh Semakin Populer”. Dipaparkan dalam edisi ini lapiran-lampiran muka surat buku tersebut, surat-menyurat antara beliau dan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh pada tahun 2010, ketika isu ini sedang hangat diperdebatkan di tanahair. Turut dilampirkan juga salinan beberapa muka surat terjemahan Bible Indonesia terbitan Yayasan Lantera Bangsa, Indonesia yang menggunakan “Elohim” untuk merujuk kepada Tuhan dalam agama Kristian dan tidak menggunakan nama “Allah” sebagaimana lazimnya yang digunakan dalam penterjemahan Bible di Indonesia oleh yayasan lain seumpamanya selama ini.

Semoga para pembaca beroleh manfaat dan pencerahan daripada perbahasan yang dibincangkan oleh kedua-dua penulis, Y.Bhg. Ustaz Muhammad Arifin bin Ismail dan Y.Bhg. Prof Madya Dr. Khalif Muammar bin A. Haris yang telah membawa hujah dan dalil yang bernas dari hasil kajian mereka. Sesiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka tiadalah kesesatan baginya dan sesiapa yang disesatkan oleh Allah maka tiadalah petunjuk baginya. Kami bersaksi bahawa tiada tuhan kecuali Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya dan kami bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya.

PENERBIT

KATA PENGANTAR

EDISI PERTAMA

Bismillahir Rahmanir Rahim. Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarganya dan para sahabat baginda semuanya.

Polemik mengenai penggunaan kalimah Allah oleh penganut agama bukan Islam telah berbangkit sejak beberapa tahun lalu (2009) apabila sebuah majalah untuk penganut Kristian, iaitu majalah *Herald-The Catholic Weekly* menuntut untuk menerbitkan majalah berkenaan dalam bahasa Melayu dan menggunakan perkataan “Allah” sebagai terjemahan kepada perkataan ‘God’. Kes ini masih lagi menunggu keputusan di Mahkamah Rayuan. Akhir-akhir ini pula isu ini terus menguji umat Islam di tanah air apabila salah seorang pemimpin parti pembangkang bukan beragama Islam dalam perutusan sambutan krismas mendesak kerajaan agar membenarkan kalimah “Allah” digunakan sebagai terjemahan kepada perkataan ‘God’ untuk penganut agama Kristian di kawasan Semenanjung.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 5-7 Mei 2008 dan hampir keseluruhan negeri di Malaysia telah mewartakan dan membuat keputusan bahawa kalimah “Allah” adalah kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain. Reaksi di kalangan masyarakat daripada pelbagai peringkat lapisan kelihatan amat bercelaru dan tidak sekata. Masyarakat awam Islam kebingungan dan semakin keliru apabila didapati segelintir di kalangan mereka yang dianggap ilmuwan dan sesetengahnya berlatar belakang pengajian Islam bahkan dianggap ulama turut memberi pandangan berbeza daripada pihak yang lebih berautoriti.

Justeru, adalah diharapkan tulisan ini dapat memperjelas kekeliruan tersebut dan menerangkan sejelas-jelasnya kesamaran yang berlaku agar masyarakat tidak lagi berasa ragu dan tertanya-tanya apakah pendirian yang sepatutnya diambil dalam isu ini. Apa yang seharusnya difahami oleh semua umat Islam adalah bahawa isu ini adalah tanggungjawab bersama seluruh umat Islam dalam Negara untuk mempertahankan dan memelihara kalimah suci “Allah” sebagai hak eksklusif hanya untuk umat Islam. Bukan sahaja dari sudut perbincangan ilmiah sememangnya kalimah suci ini tidak diperaku untuk dikongsi

bersama penganut bukan Islam, bahkan wujud ancaman yang besar daripada sudut implikasi terhadap survival ummah dan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan.

Sesungguhnya cabaran yang dihadapi oleh dunia Islam daripada ideologi-ideologi asing sejak dulu hingga kini tidak lain hanya untuk menggugat kesatuan umat Islam supaya pihak lain yang berkepentingan dapat mengambil peluang di atas kelemahan umat Islam. Kesatuan umat Islam tidak akan mampu digoyahkan selama mereka berpegang pada akidah yang benar. Kerana itu mereka berusaha melonggarkan ikatan sesama muslim secara halus melalui fahaman pluralism atas nama toleransi beragama sehingga Islam kehilangan eksklusiviti sebagai agama yang satu-satunya benar.

Cabaran yang dinyatakan ini bukanlah sekadar propaganda sebagaimana persepsi sebilangan orang. Sebaliknya ia adalah nyata dan terang umpama kehadiran matahari di siang hari. Pengalaman saudara-saudara seagama kita di Indonesia yang sedang menghadapi perlawanan sengit dengan gerakan liberalism dan pluralism menjadi iktibar dan sempadan kepada kita di sini. Benteng pertahanan umat Islam di sini juga sedang diuji dan akan terus diuji. Berapa lama kita mampu mempertahankannya bergantung kepada sejauh mana umat Islam bersatu hati, bersepakat dan saling memperteguhkan. Oleh itu, menjadi harapan kita agar umat Islam di Malaysia bersama-sama mempertegaskan keputusan pihak berautoriti agama dalam mempertahankan hak eksklusif kalimah “Allah” untuk umat Islam. Pandangan peribadi yang berbeza seharusnya tidak perlu berlaku apabila pihak pemerintah telah menetapkan satu keputusan yang terpakai untuk Negara kerana keputusan tersebut bukanlah daripada fikiran singkat tanpa penelitian bersungguh-sungguh dan cermat. Sebaliknya ia adalah dari hasil perbincangan, penelitian dan kajian tuntas para ahli di dalam bidangnya dari kalangan ilmuwan Islam serta ulama yang *rasikh*. Semoga kita semua dikurniakan kefahaman yang benar dalam menanggapi polemik ini. Wallahu waliyy at-taufiq wa al-hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DATUK HJ. WAN ZAHIDI BIN WAN TEH
MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN
JANUARI 2013

ISU KALIMAH ALLAH DAN KAITANNYA DENGAN PLURALISME AGAMA¹

Oleh:

Muhammad Arifin bin Ismail

(Panel Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan)²

1. Nama Allah Menurut Pandangan Islam

Allah adalah nama Tuhan yang mulia (*ismul Jalalah*) dengan sifat-sifat yang sempurna, sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab suci Al-Quran. Oleh sebab itu lafaz Allah adalah bersifat *qadim* dan *azali*, sebab nama Allah tidak dapat dipisahkan daripada Dzat Allah. Dzat Allah bersifat *qadim*, maka nama Allah juga bersifat *qadim*, dan *azali*.

Oleh sebab nama Allah itu bersifat *qadim*, dan *azali* maka lafaz Allah bukanlah lafaz dari bahasa manusia. Lafaz “Allah” juga bukan berasal dari bahasa Arab disebabkan :

1. Nabi Adam dan nabi-nabi sebelum orang Arab seperti nabi Nuh, Nabi Idris, Hud, Saleh, Ibrahim menyebut Tuhan mereka dengan nama Allah.
2. Lafaz Allah tidak memiliki akar kata (*root word*) dalam bahasa Arab, oleh sebab itu lafaz Allah bukan bahasa Arab.
3. Tuhan dalam bahasa Arab disebut dengan “*Ilah*” (*god*) dan jika dalam bentuk khas disebut dengan “*al-Ilah*” (*The God*).

¹ Disampaikan dalam Program Pementapan Fatwa 2/2010, di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Pusat Islam, Kuala Lumpur.

² Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan pada 20 Mac 2012. Sila rujuk: <http://www.muftiwp.gov.my/v1/> untuk mengetahui matlamat dan objektif penubuhan.

2. Nama Allah Menurut Pandangan Barat

Menurut pandangan Barat, nama Allah adalah berasal dari bahasa Arab, malahan jauh sebelum bangsa Arab, iaitu dari bahasa Semitis dan Aramaic (bahasa syria kuno) sebagaimana dinyatakan dalam *Encyclopaedia of Britanica dan Ensynclopaedia of Islam*.

“Etymologically, the name Allah is probably a contraction of the Arabic al-Ilah, “the God”. The name’s origin can be traced back to the earliest Semitic writings in which the word for god was Il or El, the latter being an Old Testament synonym for Yahweh. Allah is the standard Arabic word for “God” and is used by Arab Christians as well as by Muslims”. (“Allah” dalam *Encyclopaedia Britanica*).

“ALLAH, was known to the Pre-Islamic Arabs, he was one of the Meccan deities, possibly the supreme diety and certainly a creator God. He was already known, by antonomasia, as the God, al-Ilah (the most likely etymology; another suggestion is the Aramaic Alaha). (Encyclopaedia of Islam. Volume I, E,J.Brill, hal. 406).

3. Konsep Nama Tuhan Dalam Islam

Menurut konsep Islam nama Allah disebutkan oleh Tuhan sendiri, bukan rekaan manusia sebagaimana firman Allah dalam surah **Taha (20) : 14**

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي ﴿١٤﴾

“Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tidak ada Tuhan (yang hak) selain Aku, Maka sembahlah Aku dan dirikanlah solat untuk mengingat Aku”.

Dari ayat di atas dapat diambil kesimpulan bahawa nama “Allah” itu disebutkan oleh Tuhan sendiri : *“Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tiada Tuhan selain Aku”*, sebab hanya Tuhan yang mengetahui namanya sendiri, dan nama Tuhan itu dimaklumkan kepada manusia melalui wahyu

yang diberikan kepada nabi dan rasulNya. Bererti nama Allah bukan nama yang diciptakan oleh manusia atau nabi tetapi nama yang disebutkan oleh Tuhan sendiri. Oleh sebab itu dapat disimpulkan dalam konsep agama Islam, nama Tuhan bukanlah ciptaan manusia, tetapi nama yang diberikan oleh Tuhan sendiri untuk dirinya sendiri dan tidak dapat dipisahkan daripada DzatNya sehingga dinamakan dengan “*Lafdzul Jalalah*”.

4. Nama Tuhan Bagi Orang Kafir

Sedangkan dalam konsep orang Kafir, mereka menamakan Tuhan mereka sesuai dengan keinginan mereka sendiri. Hal ini dinyatakan Allah dalam firmanNya :

مَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِهِ إِلَّا أَسْمَاءٌ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَءَابَاؤُكُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَانٍ

إِنْ أَحْكَمُ إِلَّا لِلَّهِ أَمْرًا أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ

لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٠﴾

“Apa yang kamu sembah, yang lain dari Allah, hanyalah nama-nama yang kamu menamakannya, -kamu dan datuk nenek kamu, Allah tidak pernah menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya. Sebenarnya hukum (yang menentukan amal ibadat) hanyalah bagi Allah. Ia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan DIA. Yang demikian itulah agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.” ~Surah Yusuf/12 : 40

Dari ayat ini dapat disimpulkan bahawa orang Kafir itu membuat nama-nama tuhan sesuai dengan rekaan mereka sendiri, keputusan tentang nama Tuhan itu hanya dari Allah, dan manusia tidak berhak membuat nama Tuhan.

إِنَّ هِيَ إِلَّا أَسْمَاءٌ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَءَابَاؤُكُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَانٍ ۚ إِنْ يَتَّبِعُونَ
 إِلَّا الظَّنَّ وَمَا تَهْوَى الْأَنْفُسُ ۖ وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مِنْ رَبِّهِمْ آهْدَى ﴿٣١﴾

“Benda-benda yang kamu sembah itu tidak lain hanyalah nama-nama yang kamu dan datuk nenek moyang kamu menamakannya. Allah tidak sekali-kali menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya. Mereka yang berbuat demikian tidak menurut melainkan sangkaan-sangkaan dan apa yang diinginkan oleh hawa nafsunya. Padahal demi sesungguhnya telah datang kepada mereka petunjuk dari Tuhan mereka” ~ **Surah an Najm/53 : 23**

Dari ayat ini disimpulkan bahawa orang Kafir membuat nama tuhan mereka berdasarkan kepada keinginan hawa nafsu mereka, sehingga nama-nama itu dapat berubah-ubah sesuai dengan keinginan mereka.

أَتَجِدُلُونَنِي فِي أَسْمَاءِ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَءَابَاؤُكُمْ مَا نَزَّلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَانٍ ۚ
 فَانْتَظِرُوا إِنِّي مَعَكُمْ مِنَ الْمُنتَظِرِينَ ﴿٧١﴾

“Adakah kamu hendak berbahas denganku mengenai nama-nama yang hanya kamu dan nenek moyang kamu menamakannya, sedang Allah tidak sekali-kali menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya? Maka tunggulah (kedatangan azab itu), sesungguhnya aku juga turut menunggu bersama-sama kamu” ~ **Surah alA'raf/7 : 71**

Dalam ayat ini Allah melarang kita untuk berbantah-bantah tentang nama Tuhan, sebab nama Tuhan yang sebenarnya itu datang dari Tuhan bukan dibuat-buat oleh manusia. Dan jika kita mempermainkan nama Tuhan maka Allah akan menurunkan azabNya.

Oleh sebab itu dalam konsep orang Kafir, nama Tuhan adalah buatan manusia itu sendiri. Itulah sebabnya mereka menganggap bahawa kalimah

Allah juga merupakan nama tuhan dalam Islam yang berasal dari bahasa Arab.

5. Lafaz Allah Meliputi Tuhan Sebagai *Rabb* (Tuhan Yang Mengatur Alam) Dan Tuhan Yang Disembah (*Ilah*), Dan Tuhan Yang Memiliki Nama Dan Sifat Yang Mulia (*Asmaul Husna*)

Firman Allah s.w.t. :

إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْقَصَصُ الْحَقُّ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ وَإِنَّ اللَّهَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٦٢﴾

“Sesungguhnya ini adalah kisah-kisah yang benar, dan tiadalah Tuhan (yang berhak disembah dengan sebenar-benarnya) melainkan Allah; dan Sesungguhnya Allah, Dialah yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana” ~ Surah Ali Imran/3 : 62

Dalam ayat di atas, dinyatakan bahawa tiada *Ilah* yang sebenarnya kecuali Allah, bererti sewaktu seseorang menyebutkan lafaz Allah, maka lafaz itu menyatakan Allah sebagai *Ilah*, Tuhan yang disembah.

ذَلِكُمْ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَأَعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَىٰ

كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ﴿١٠٢﴾

“yang demikian (sifat dan kekuasaanNya ialah Allah Tuhan kamu; tiada Tuhan (yang disembah dengan sebenarnya) melainkan Dia; yang menciptakan tiap-tiap sesuatu. Oleh itu beribadatlah kamu kepadaNya; dan(ingatlah), Dialah yang mentadbirkan segala-galanya” ~ Surah alAn'am/6 : 102

Dalam ayat ini, dinyatakan bahawa Allah itu sebagai *Rabb*, Tuhan Pengatur seluruh alam. Bermakna sewaktu seseorang menyebut Allah, maka lafaz Allah itu juga menyatakan Allah sebagai *Rabb*.

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى ﴿٨﴾

“Allah! Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia. BagiNyalah segala nama yang baik-baik) ”~ **Surah Taha /20 : 8**

Dalam ayat ini, dinyatakan bahawa Allah sebagai *Ilah* tersebut memiliki nama-nama yang mulia. Bererti jika menyebut lafaz Allah, maka di dalam lafaz Allah tersebut mengandungi semua nama-nama *Asmaul Husna*.

هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ

وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

“Dialah Allah Yang Menciptakan sekalian makhluk; Yang Mengadakan (daripada tiada kepada ada); Yang Membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut yang dikehendakiNya), BagiNyalah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepadaNya segala yang ada di langit dan di bumi;. dan Dialah yang tidak ada tolok bandingnya, lagi Amat Bijaksana” ~ **Surah al Hasyr/59 : 24**

Dalam ayat di atas, dinyatakan bahawa Allah itu sebagai Pencipta, dan Dia memiliki *Asmaul Husna*.

Oleh sebab itu dalam lafaz Allah itu meliputi makna Allah sebagai *Ilah*, *Rabb* yang memiliki *Asmaul Husna*, sehingga Allah sebagai *Rabb* tidak dapat dipisahkan dengan Allah sebagai *Ilah*, yang memiliki *Asmaul Husna*.

6. Nama Allah Yang Disebutkan Oleh Orang Kafir Dalam Al-Quran Bukan Allah Dalam Konsep Sebagai *Rabb* Dan *Ilah*

Nama Allah yang disebutkan oleh orang Kafir dalam Al-Quran bukan Allah dalam konsep sebagai *Rabb* dan *Ilah*, tetapi Allah sebagai

Rabb sahaja, yang mereka pisahkan dari Tuhan sebagai *Ilah*. Oleh sebab itu walaupun mereka sebut lafaz Allah, sebenarnya mereka itu tidak menyembah Allah.

Allah s.w.t. berfirman :

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مِّنْ خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَسَخَّرِ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ

فَأَنى يُؤْفَكُونَ ﴿٦١﴾

“Dan Sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: “Siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan yang memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya)?” Sudah tentu mereka akan menjawab: “Allah”!, Maka bagaimana mereka tergamak dipalingkan (oleh hawa nafsunya daripada mengakui keesaan Allah dan mematuhi perintahNya)?” ~ Surah al-Ankabut/29 : 61

Dalam ayat ini Allah memberikan komen di akhir ayat, sehingga seakan-akan Allah menyatakan jika mereka itu menyebut nama Allah sebagai tuhan pencipta langit dan bumi, mengapa mereka tidak menyembah Allah, mengapa mereka berpaling dari menyembah Allah ?

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مِّنْ نَّزْلِ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهَا

لَيَقُولُنَّ اللَّهُ قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٦٢﴾

“dan Sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: “Siapakah yang menurunkan air dari langit lalu menghidupkan dengan air itu bumi sesudah matinya?” tentu mereka akan menjawab: “Allah”, Katakanlah: “Segala puji bagi Allah”, tetapi kebanyakan mereka tidak berfikir.” ~ Surah al-Ankabut/29 : 63

Dalam ayat di atas dinyatakan bahwa walaupun mereka mengatakan bahwa Allah sebagai tuhan yang menurunkan hujan daripada langit, tapi sebenarnya mereka itu tidak berfikir, sebab apa yang mereka sembah bukan tuhan yang mereka sebut.

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مِّنْ خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ

بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٥﴾

*“Dan Sesungguhnya jika kamu tanyakan kepada mereka: “Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?” tentu mereka akan menjawab: “Allah”. Katakanlah : “Segala puji bagi Allah”; **tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.**” ~ Surah Luqman/31 : 25*

Dari ayat di atas disimpulkan bahwa walaupun orang Kafir itu menyatakan bahwa Allah sebagai Pencipta langit dan bumi, tetapi sebenarnya itu bukan berdasarkan ilmu pengetahuan yang benar, mereka hanya mempermainkan nama Tuhan, sebab mereka sendiri tidak menyembah Allah yang mereka sebut.

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مِّنْ خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ قُلِ أَفَرَأَيْتُمْ مَا

تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ أَرَادَنِيَ اللَّهُ بِضُرٍّ هَلْ هُنَّ كَاشِفَاتُ ضُرِّهِ

أَوْ أَرَادَنِيَ بِرَحْمَةٍ هَلْ هُنَّ مُمْسِكَتُ رَحْمَتِهِ قُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ

عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ الْمُتَوَكِّلُونَ ﴿٢٦﴾

“Dan demi sesungguhnya! Jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: “Siapakah yang menciptakan langit

dan bumi?”, sudah tentu mereka akan menjawab: “Allah”!. Katakanlah (kepada mereka): **Kalau demikian, bagaimana fikiran kamu tentang yang kamu sembah selain dari Allah itu? Jika Allah hendak menimpakan daku dengan sesuatu bahaya, dapatkah mereka mengelakkan atau menghapuskan bahayanya itu; atau jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, dapatkah mereka menahan rahmatNya itu?. Katakanlah lagi: “Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memeliharaaku)!”. KepadaNya lah hendaknya berserah orang-orang yang mahu berserah diri.” ~ Surah az-Zumar/39 : 38**

Dalam ayat ini jelas Allah menyatakan bahawa walaupun mereka sebut Allah sebagai tuhan Pencipta langit dan bumi, tetapi sebenarnya mereka itu tidak memikirkan apa yang mereka sebut itu, sebab mereka tidak menyembah Allah, tetapi menyembah tuhan selain Allah, padahal tuhan yang mereka sembah itu tidak dapat memberikan manfaat dan mencegah mudharat.

وَلَيْنَ سَأَلْتَهُمْ مَن خَلَقَهُمْ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ فَأَنَّى يُؤْفَكُونَ

“Dan demi sesungguhnya! Jika engkau (wahai Muhammad) bertanyakan mereka: “Siapakah yang menjadikan mereka?” sudah tentu mereka akan menjawab: “Allah”!, (Jika demikian) **maka bagaimana mereka rela dipesongkan (daripada menyembah dan mengesakanNya)?**” ~ Surah Zukhruf/43 : 87

Dari ayat di atas dapat diambil kesimpulan bahawa “Allah” yang disebutkan oleh orang Kafir bukan Allah dalam konsep yang difahami oleh orang Islam sebagai Tuhan yang disembah dan Tuhan Pencipta alam, dan di akhir semua ayat Allah memberikan komentar : “dan bagaimana mereka dapat dipalingkan dari jalan sebenar” (al-Ankabut : 61), “Dan mereka tidak memahaminya” (al-Ankabut : 63), “Dan mereka tidak mengetahui” (Luqman : 25), “tetapi apakah kamu memperhatikan mengapa kamu menyembah selain Allah” (al-Zumar : 38), “Dan Bagaimanakah mereka dapat dipalingkan dari menyembah Allah” (al-Zukhruf : 87).

Dari keterangan di atas kita tidak dapat mengambil kesimpulan bahawa nama Allah itu adalah Allah yang dimaksudkan oleh orang Islam, sebab mereka hanya menyebutkan Allah sebagai Pengatur Alam bukan Tuhan yang disembah (mereka memisahkan antara Tuhan Pengatur Alam dan Tuhan yang disembah, sedangkan dalam Islam, Tuhan Pengatur Alam tidak dapat dipisahkan dari Tuhan yang disembah). **Ayat-ayat ini hanya menceritakan perkataan mereka yang mempermainkan nama Allah, ayat ini tidak memberikan keterangan bahawa Allah membolehkan mereka untuk menyebut nama Allah, sebab mereka telah meletakkan nama Allah bukan pada tempatnya.** Oleh kerana itu Allah memberikan komentar dalam setiap ayat bahawa mereka itu tidak mengetahui dan memahami apa yang mereka ucapkan.

7. Kalimah Allah Bagi Masyarakat Arab Jahiliyah

Kalimah Allah dibawa kepada bangsa Arab oleh nabi Ibrahim a.s kerana baginda mendirikan Ka'abah sebagai rumah Allah (rumah untuk menyembah Allah), dan nama Allah dikenali oleh orang Arab dengan agama tauhid yang diajarkan oleh nabi Ibrahim a.s dan Ismail a.s kepada anak keturunannya. Setelah kewafatan nabi Ismail a.s, pemahaman agama semakin berkurang, sebab tidak ada nabi dari kalangan orang Arab antara nabi Ismail a.s sampai kepada nabi Muhammad s.a.w. Oleh sebab itu pemahaman agama bangsa Arab berubah dari agama tauhid menjadi agama penyembah berhala (jahiliyah). Walaupun demikian, nama Allah masih berkembang dalam bahasa mereka, walaupun mereka tidak lagi mengetahui tentang konsep Tuhan Allah yang sebenarnya.

Malahan mereka membuat nama Allah menjadi nama salah satu patung berhala yang ada di samping Ka'abah. “Adapun status ketuhanan sekalian berhala dengan tidak membezakan bentuk, bahan, dan besar kecilnya, dalam pengetahuan orang Arab jahiliyah, patung itu semua adalah perantara antara mereka dengan Tuhan yang lebih besar, yang mereka tidak kenal bagaimana besarnya, walaupun di antara lisan mereka ada tersebut selalu kalimah Allah yang sebenarnya hanya satu kalimah yang tinggal rasamnya, tetapi tidak dikenal lagi isinya” (*Zainal Arifin, Sejarah Perjuangan Nabi Muhammad, jilid 1, hal. 220*). Sebab itulah

nama Allah yang disebutkan oleh masyarakat jahiliyah bukan Allah dalam konsep yang difahami oleh agama Islam. **Oleh sebab itu alasan bahawa orang jahiliyah dahulu pernah menggunakan kalimah Allah tidak dapat dijadikan dasar hukum**, kerana Allah itu dalam bahasa Arab yang berkembang, bukan Allah dalam definisi Tuhan yang dianggap sebagai *Rabb* dan *Ilah* dalam agama Islam.

8. Penolakan Kristian Belanda Terhadap Penggunaan Kalimah Allah

Dutch bishop: Call God 'Allah' to ease relations (Associated Press Aug.15,2007)

AMSTERDAM - A Roman Catholic Bishop in the Netherlands has proposed people of all faiths refer to God as Allah to foster understanding, stoking an already heated debate on religious tolerance in a country with one million Muslims. Bishop Tiny Muskens, from the southern diocese of Breda, told Dutch television on Monday that God did not mind what he was named and that in Indonesia, where Muskens spent eight years, priests used the word "Allah" while celebrating Mass. "Allah is a very beautiful word for God. Shouldn't we all say that from now on we will name God Allah? ... What does God care what we call him? It is our problem." A survey in the Netherlands' biggest-selling newspaper De Telegraaf on Wednesday found 92 percent of the more than 4,000 people polled disagreed with the bishop's view, which also drew ridicule. "Sure. Lets call God Allah. Lets then call a church a mosque and pray five times a day. Ramadan sounds like fun," Welmoet Koppenhol wrote in a letter to the newspaper. Gerrit de Fijter, chairman of the Protestant Church in the Netherlands, told the paper he welcomed any attempt to "create more dialogue", but added: "Calling God 'Allah' does no justice to Western identity. I see no benefit in it." A spokesman from the union of Moroccan mosques in Amsterdam said Muslims had not asked for such a gesture.(www.msnbc.msn.com/id/20279326/ns/world_news-europe)

9. Kristian Indonesia Menolak Kalimah Allah Untuk Nama Tuhan Mereka

Di akhir tahun 1990-an, di Indonesia muncul kelompok yang memuja nama *Yahweh* (dalam huruf Ibrani disebut *tetragrammaton* yang terdiri dari 4 huruf bahasa Ibrani YHVH). Pelopornya adalah *Dr. Suradi* dari Yayasan Nehemia yang kemudian berlingung di belakang nama organisasi *Siraathal Mustaqien* dan lalu diganti dengan nama Bet Jeshua Hamasiah, Jakarta, dan mereka menerbitkan seri traktat berjudul *Siapakah Yang Bernama Allah Itu?* Pada prinsipnya kelompok ini berpendapat bahawa 'nama Allah' adalah nama dewa berhala Arab, atau tepatnya dewa bulan atau dewa air, kerana itu haram disebut oleh umat Kristian dan harus dihapus dari dalam Alkitab terbitan LAI (Lembaga Alkitab Indonesia). Akibat dari keyakinan ini maka kelompok ini kemudian menerbitkan *Kitab Suci Torat dan Injil* (Kitab Suci 2000) yang menggunakan terjemahan LAI sebagai dasar dan mengganti semua nama Tuhan dengan Elohim atau Yahweh, dan mengganti nama-nama menjadi nama Ibrani.

Dua tahun kemudian terlihat ada kelompok yang mirip tetapi berjalan terpisah dan menamakan diri mereka sebagai *Jaringan Gereja-Gereja Pengagung Nama Yahweh*. Kelompok ini diilhami gerakan seperti dari Afrika Selatan dan Amerika Syarikat, dan menyalahkan tradisi Yudaisme Orthodox, Septuaginta, dan Naskah PB Yunani Koine yang dianggap sudah menterjemahkan bahasa asli Alkitab yang dipercayai adalah bahasa Ibrani. Kelompok ini juga mengganti nama Tuhan dengan *YAHWEH* dan menerbitkan *Kitab Suci Umat Perjanjian Tuhan* pada tahun 2002. Kitab suci ini juga menghilangkan nama Allah dan menggantikannya dengan *Tuhan* dan nama *TUHAN/Tuhan* dengan *YAHWEH*. Ada juga *Nafiri Yahshua Ministry* yang menerbitkan traktat-traktat dan buletin dengan tokohnya Teguh Hindarto dan mendirikan *Gereja Alkitab Injili Nusantara* di Kebumen. Pada prinsipnya, pendapat mereka sama dengan yang di atas, iaitu bahawa nama Allah adalah nama berhala Arab dan harus disingkirkan dari Alkitab dan agar nama *YAHWEH* dan '*ELOHIM*-lah yang digunakan. Berkenaan nama Allah, tidak dapat dinafikan adanya kelompok lain yang dipelopori *Posma Situmorang* yang

menolak nama Allah yang dianggap nama berhala dan menekankan bahawa nama Bapa adalah Yesus, nama Anak adalah Yesus, dan nama Roh Kudus adalah Yesus juga. Yang menarik dari kelompok ini adalah bahawa kelompok ini menganggap bahawa nama *YAHWEH* sebenarnya adalah nama berhala juga! (sumber : situs sarapan pagi.com)

10. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bersidang kali ke-82 pada 5-7 Mei 2008 memutuskan “**Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam yang lain. Oleh karena itu wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan**”.

11. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan : Larangan Penggunaan Kalimah Allah Di Kalangan Orang Bukan Islam

Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan yang bersidang pada 21 Ogos 2008 di Dewan Syura Perdana, Menara Pusat Islam telah mengambil keputusan bahawa:

- 1. Lafaz Allah (*Lafaz Al-Jalalah*) merupakan kalimah suci yang khusus untuk Agama dan umat Islam sahaja dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam.**
- 2. Wajib bagi umat Islam menjaga lafaz ini dengan cara yang terbaik.**

3. Bahawa sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
4. **Bahawa empat perkataan khusus iaitu Allah, Solat, Kaabah dan Baitullah tidak dibenarkan penggunaannya oleh orang bukan Islam.**

12. Kalimah Allah Dan Strategi Kristian

Dalam laman web *thepeopleofthebook.org* dinyatakan bahawa penggunaan kalimah Allah oleh umat Kristian adalah merupakan strategi untuk mempengaruhi orang Islam, sebagaimana mereka nyatakan : *“The People of the Book is taking an “insider approach” to working with Muslims. This means that we do not want to harshly extract them from their family and culture. We want them to come to saving faith in Christ, but stay inside their culture to be able to share Christ with family, friends and the rest of the Muslim world. We do not, of course, approve of any form of syncretism. If we desire to have an effective ministry to Muslims, we must, in a sense, become as a Muslim to the Muslim world. The goal is to share the Gospel in a way that it can be understood and embraced by them with all their heart and mind. If we do not spend time with them, living among them, how will they ever see the Gospel being lived out in real life? John Gilchrist makes the following comments in his book” Communicating the Gospel to Muslims” :*

“When Christians take a traditional evangelical line of approach, simply setting Jesus forth as the Lord and Saviour of all men, Muslims find security in dismissing the message as simply an exposition of Christian doctrine and belief, and they comfort themselves by resting in the doctrines and tenets of Islam instead. We need to penetrate, we need to challenge the Muslims where they are and stimulate a process of reflection by presenting the Gospel against their own background, against the Muslims’ own views of Jesus and the prophetic history leading up to him.

Not only so but, as we have seen in the example of Paul, we have a clear Biblical sanction for quoting their own scriptures to make our message relevant. Paul did this with telling effect in Athens by quoting Greek poets and it is quite amazing to behold how, by quoting passages from the Qur'an as well as the Bible, a Christian can make the Gospel message thoroughly relevant to a Muslim. I intend to give numerous practical examples later in this book, but let it suffice for the moment to say that we have, here, a clear Biblical authority for this method.” (Part B - The Biblical Approach to Muslims section 3 - Paul's preaching at Athens and Corinth)

*Mr. Gilchrist adds the following comment in section 4 - **Becoming a Muslim to the Muslims:***

*“What, then, is the Biblical approach to Muslims in the light of this method into which the great apostle allows us to enter? It is simply this - in the same way that he became as a Jew to the Jews, so each of us must become as a Muslim to the Muslims. We must discover the beliefs of the Muslims, their view of prophetic history, their assessment of Jesus Christ, and their overall religious perception of life, and present the Gospel against that background. Samuel Zwemer, one of the most famous missionaries to Muslims, sums this up perfectly in saying: **‘We must become Moslems to the Moslem if we would gain them for Christ. We must do this in the Pauline sense, without compromise, but with self-sacrificing sympathy and unselfish love. The Christian missionary should first of all thoroughly know the religion of the people among whom he labours; ignorance of the Koran, the traditions, the life of Mohammed, the Moslem conception of Christ, social beliefs and prejudices of Mohammedans, which are the result of their religion, - ignorance of these is the chief difficulty in work for Moslems. (Zwemer, The Moslem Christ, p. 183).’**”*

We believe that it can be very effective to use the Quran as a tool to share concepts that are familiar and acceptable to Muslims, and that support Biblical principles. There are many concepts that are very compatible with the Bible and there are other Quranic teachings that may

actually be misunderstood by Christians and Muslims. Of course, the Holy Bible is the only and complete authority for everything pertaining to doctrine and lifestyle. We believe that it is perfectly acceptable to use the name Allah, both in the Bible that we use to minister to Muslims, as well as materials that we distribute. It is the translation of the word “God” in Arabic. Joshua Massey has written an excellent summary about this topic. This does not mean that Allah in the Qur'an is exactly the same as the God of the Bible.

13. Kenyataan Tokoh Kristian Malaysia

Dalam Utusan Malaysia di bawah tajuk “Lagi tokoh Kristian gesa gugur kalimah Allah”, tokoh Kristian Webley Disim, menyatakan bahawa kalimah Allah dipakai umat kristian dengan motif untuk menarik penganut Islam kepada Kristian”. **Webley yang juga Naib Presiden Dewan Usahawan Bumiputera Malaysia mengakui, tindakan akhbar itu sememangnya mempunyai motif untuk menarik penganut Islam kepada Kristian.** “Saya difahamkan oleh rakan-rakan dari Kuala Lumpur, tindakan akhbar itu adalah untuk menguji orang Melayu dan Islam, dengan menyatakan ‘kita’ menyembah Tuhan yang sama iaitu Allah,” katanya. Menurutnya, perbuatan tersebut akan mengelirukan umat Islam kerana Allah bagi penganut Islam dan Kristian adalah berbeza mengikut kepercayaan masing-masing. “Ini tidak baik, kenapa perlu menarik orang yang sudah beragama, sepatutnya kita (Kristian) menarik orang yang masih tiada agama seperti Orang Asli di Semenanjung atau Bumiputera di Sabah atau Sarawak,” katanya. (Utusan Malaysia 14 Januari 2010)

14. Kalimah Allah Dan Fahaman Pluralisme Agama

Menurut John Hick, Pluralisme agama adalah “Suatu gagasan bahawa agama-agama besar dunia merupakan anggapan dan konsep yang berbeza tentang Yang Maha Agung, dan secara bertepatan merupakan respons yang majmuk terhadap Yang Nyata atau Yang Maha Agung dari dalam aturan budaya manusia yang berbagai bentuk dan bahawa transformasi wujud manusia dari suatu pemusatan menuju Hakikat yang

terjadi secara nyata dalam setiap bentuk budaya tersebut dan dapat terjadi sejauh yang dapat diamati sampai pada batas yang sama “(*Pluralism is the view that the great world faiths embody different perceptions and conceptions of, and correspondingly different responses to, the Real or the Ultimate from within the major variant cultural ways of being human, and that within each of them the transformation of human existence from self-centredness to Reality centredness is manifestly taking place-and taking so far as human observation can tell, to much the same extent*)” (John Hick, *An Interpretation of Religion : Human Responses to the Trancendent*, MacMillan, London, 1991, hal. 36).

Definisi di atas menjelaskan bahwa semua agama itu merupakan jalan yang berbeza tetapi semuanya menuju kepada Tuhan yang satu, Yang Nyata, Yang Maha Agung; sehingga walaupun setiap agama itu berbeza dalam melakukan respons, tetapi pada batas-batas tertentu setiap agama itu memiliki kesamaan dan kesatuan dengan agama yang lain. **Tujuan utama fahaman pluralisme agama adalah untuk menghilangkan sifat eksklusif umat beragama, khususnya Islam.** Bererti dengan fahaman ini umat Islam tidak lagi bersikap fanatik, merasa satu-satunya benar, dan menganggap agama lain itu salah, sehingga menurut John Hick, di antara prinsip pluralisme agama adalah menyatakan bahwa agama lain adalah sama-sama jalan yang benar menuju kebenaran yang sama “*Other religions are equally valid ways to the same ways*”.

Fahaman pluralisme agama ini memiliki dua aliran iaitu aliran kesatuan transenden agama-agama (*transcendent unity of religion*) dan aliran teologi global (*global theology*). Di antara pendukung aliran kesatuan transenden agama-agama adalah Rene Guenon³ (Abdul Wahid Yahya), Frithjof Schoun⁴ (Isa Nuruddin), dan Husein Nasr. Sedangkan

³ Rene Guenon, seorang yahudi lahir di Brois Perancis, pada tahun 1883. Mulai mempelajari agama-agama khususnya Hindu, Taoisme, dan Islam. Masuk Islam pada tahun 1912 dan memakai nama Abdul Wahid Yahya. Pada tahun 1930 pindah ke Mesir dan meninggal di sana pada tahun 1951. Di antara karya tulisnya : *The Symbolism of the Cross, The crisis of the Modern World, dan The Multiple States of Being.*

⁴ F.Schoun lahir di Basle, Germany, 1907 mempelajari agama-agama Hindu, Budha dan masuk Islam menulis karya : *The Transendent Unity of Religions, Esoterism as Principle and as Way, Sufism : Veil and Quintessence, Perennial Philosophy in Islam, dan Understanding Islam.*

diantara pendukung Theologi Global adalah Wilfred Cantwell Smith dengan bukunya “*Toward A World Theology*”, dan Hans Kung dengan buku “*Global Ethic*”.

Aliran Kesatuan *transcendent* agama-agama, memahami bahwa setiap agama memiliki nilai-nilai batin (*esoteric*) dan juga nilai-nilai zahir (*eksoteric*). Setiap agama hanya berbeza dalam nilai-nilai zahir sahaja, sedangkan dalam setiap agama itu akan mempunyai nilai-nilai *esoteric* yang sama sebab menuju kepada Tuhan yang sama. Bagi aliran ini, Tuhan itu satu untuk semua agama, panggilan Tuhan itu dan bentuk penyembahan kepada Tuhan itu sahaja yang berbeza bagi setiap agama. Walaupun berbeza, hakikatnya mereka menyembah Tuhan yang sama.

Oleh sebab itu pluralisme agama selain menyatakan bahawa semua agama itu benar, sebab semuanya menuju Tuhan yang satu, tetapi mereka juga akan membentuk konsep teologi yang sama (*Global Theology*) dengan menggunakan istilah agama yang sama (seperti lafaz Allah untuk Tuhan, istilah solat untuk sembahyang, istilah syahadat untuk baptis, istilah Muslim, istilah Mukmin, dan sebagainya), syariat yang sama, hukum fekah yang sama, (sebagai contoh terbitnya buku “Fikah Lintas Agama” di Indonesia), sampai kepada pedoman akhlak dan etika yang sama (*global ethic*).

Gerakan Pluralisme Agama ini merupakan gerakan global sejak dibentuknya *World's Parliament of Religions* di kota Chigaco tahun 1893, dengan keputusan bahawa agama-agama di dunia perlu menghilangkan kesatuan dan perbezaan masing-masing, kemudian dilanjutkan dengan pertemuan kedua di kota yang sama tahun 1993 dengan memperkenalkan konsep *Global Theology* dan *Global Ethic*, dilanjutkan dengan pertemuan ketiga tahun **1999** di Barcelona, Spain dan pertemuan selanjutnya tahun **2004** di Cape Town, Afrika Selatan, dan pertemuan terakhir pada bulan Disember **2009** di Melbourne Australia.

15. Penutup

Dari kajian di atas dapat dilihat bahawa pluralisme agama merupakan cabaran terbesar bagi agama Islam, dan juga semua agama yang lain. Oleh sebab itu Majlis Agama Islam Indonesia dan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia sudah memutuskan bahawa fahaman pluralisme agama adalah fahaman yang sesat dan bertentangan dengan akidah Islam, bahkan dapat dilihat fahaman ini merupakan syirik kontemporari. Kalimah Allah telah dijadikan alat oleh pihak yang berkepentingan untuk mencucuk jarum pluralisme agama ke dalam pemikiran umat Islam secara halus dan memberi laluan mudah kepada agenda pemurtadan umah. Oleh itu hampir keseluruhan negeri-negeri di Malaysia telah memfatwakan bahawa kalimah Allah adalah khusus bagi agama dan umat Islam sahaja. Wallahu A'lam.

ISU NAMA ALLAH: MENGAPA ORANG BUKAN ISLAM TIDAK BERHAK MENGUNAKAN NAMA ALLAH

Oleh
Prof. Madya Dr Khalif Muammar¹
UTM

1. Kedudukan Masalah

Setelah isu ini dibahas lebih dua tahun² masih ramai lagi yang keliru tentang penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam. Antara sebabnya ialah wujudnya pandangan yang diberikan oleh segelintir agamawan yang digelar ulama' yang mengatakan bahawa *terdapat dalil* dalam al-Qur'an yang membenarkan hal tersebut, serta *tiada dalil* yang menyokong larangan penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam. Meskipun telah banyak sanggahan diberikan, penulis sendiri telah beberapa kali menulis berkaitan isu ini,³ namun ianya seperti mencurahkan air ke daun keladi, kerana kekeliruan yang telah menyebar luas. Dalam makalah terakhir ini penulis cuba menjawab keraguan-keraguan yang ditimbulkan dan memberikan hujah-hujah yang muktamad agar kekeliruan tidak berterusan dan kepentingan umat Islam dapat dipertahankan. Dengan penjelasan yang dapat penulis paparkan ini mudah-mudahan persoalan ini semakin jelas bagi masyarakat dan khususnya bagi orang-orang yang inginkan kebenaran berdasarkan kekuatan hujah dan kita terpaksa berlepas tangan terhadap sebarang tindakan yang berkeras menolak kebenaran walaupun datang dengan hujah yang nyata.

Sebelum pergi lebih jauh perlu difahami terlebih dahulu maksud persoalan di atas. Ia bukan persoalan tentang siapakah sebenarnya Tuhan seluruh manusia, termasuk orang bukan Islam, kerana jelas dari segi

¹ Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Pemikir Isu Islam Semasa Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bagi penggal Mac 2012 - Mac 2014.

² Makalah ini ditulis pada tahun 2010 dan disempurnakan pada tahun 2011.

³ Artikel-artikel tersebut boleh dicapai di laman web www.khairaummah.com

ontologi Tuhan bagi semua umat manusia hanya satu iaitu Allah *Subhānahū wa Ta'ālā*, tidak mungkin ada Tuhan yang lain dan berbilang-bilang. Tetapi ini bukanlah persoalan ontologi, ia adalah persoalan teologi, bahasa, epistemologi dan sejarah bangsa. Ia juga bukan berkaitan dengan orang Arab bukan Islam di negara-negara Arab kerana persoalan ini muncul dalam konteks Malaysia, dan hanya relevan dengan negara-negara bukan Arab. Maka maksud persoalan di atas adalah merujuk kepada orang bukan Islam di Malaysia, bukannya di negara-negara Arab. Perbezaan konteks ini sangat penting kerana ia juga bermakna perbezaan bahasa yang digunakan oleh bangsa yang berlainan. Dari sini sahaja dapat disimpulkan bahawa penggunaan nama Allah bagi orang bukan Islam di Malaysia tidak relevan kerana ia tidak ada dalam bahasa mereka, bahkan tidak mengerti pun akan maksudnya.

Perlu juga ditegaskan bahawa dengan perkataan ‘menggunakan’ di atas yang dimaksudkan adalah menggunakan nama Tuhan orang Islam bagi merujuk kepada Tuhan orang bukan Islam. Daripada perkataan ‘menggunakan’ ini maka tidak timbul isu sekadar penyebutan nama Allah oleh bukan Islam dengan maksud merujuk kepada Allah sebenar. Tidak sepatutnya timbul pernyataan ‘apa salahnya orang bukan Islam menyebut nama Allah kalau yang dimaksudkan itu benar’. Mereka boleh sahaja menyebut atau membaca nama Allah dan tiada yang dapat menghalang mereka melakukannya, tetapi yang menjadi persoalan di sini adalah penggunaan istilah yang sama atau pemberian nama yang sama bagi Tuhan yang berlainan.

Jika persoalan sebenar telah jelas difahami dengan betul maka jawapan terhadap persoalan juga tentunya akan lebih mudah ditemukan. Untuk memudahkan lagi orang awam maka persoalan di atas boleh juga diungkapkan kembali dalam bentuk yang sedikit berbeza iaitu bolehkah orang bukan Islam menamakan Tuhan mereka dengan nama Allah dalam konteks Malaysia?

Terdapat kecenderungan di kalangan umat Islam, tidak terkecuali sebahagian yang digelar ulama’, untuk menyederhanakan persoalan rumit dan besar ini. Bagi sesetengah mereka perkara ini hanyalah persoalan *perebutan* nama dan bukan juga soal perbezaan ideologi politik. Mereka

beranggapan persoalan nama tidak perlu diperbesar, maka umat Islam perlu berlapang dada dan membenarkan orang bukan Islam menggunakan nama Allah bagi Tuhan mereka. Ia juga dilihat sebagai peluang untuk berdakwah dan menjelaskan kepada orang bukan Islam tentang Allah. Masalah penamaan bagi mereka adalah persoalan kecil dan remeh, ia bersifat luaran dan tidak berhubungan dengan persoalan Akidah dan keyakinan umat Islam. Tanpa disedari mereka telah melakukan kesilapan besar ketika meremehkan persoalan nama Allah, kerana ia bukan sebarang nama, ia adalah nama yang paling suci. Persoalan nama dan istilah meskipun tampak sederhana tetapi tidak boleh dianggap remeh dan tidak memberi kesan kepada pandangan alam (*worldview*) orang Islam. Menurut Profesor Wan Mohd Nor Wan Daud walaupun kelihatan masalah nama dan bahasa ini sederhana tetapi melalui bahasalah pandangan alam (*worldview*) sesebuah masyarakat dibentuk. Perubahan pada bahasa dengan merubah maknanya akan memberi kesan yang besar kepada perubahan pandangan alam dan seterusnya akidah dan amal ibadah orang Islam.⁴

2. Allah Sebagai Nama Khas

Berbeza dengan agama lain, Islam adalah agama *tanzīl* (*revealed Religion*) yang murni. Ajaran Islam, yang terangkum dalam Akidah, Ibadah, Shari'ah, dan Akhlak, adalah ajaran yang diwahyukan oleh Allah *Subhānahū wa Ta'ālā*. Al-Attas menegaskan perbezaan ini dan menjadikannya keistimewaan yang tidak terdapat dalam agama lain, termasuk Yahudi dan Nasrani yang dibentuk oleh budaya dan perubahan sosial.⁵ Demikian juga nama dan sifat Allah adalah perkara yang ditanzilkan dan bukan hasil proses sejarah dan budaya. Penegasan nama Allah sebagai nama khas sangat jelas dalam al-Qur'an. Dalam surah *al-Ikhlāṣ* ayat 1-4 Allah *Subhānahū wa Ta'ālā* berfirman yang maksudnya:

⁴ Perbualan peribadi penulis dengan Profesor Wan Mohd Nor dalam banyak kesempatan ketika di ATMA.

⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 49

“Katakanlah: “Dia-lah Allah, Yang Maha Esa, Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan, dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia”.

Dalam mentafsirkan ayat ini Ibn Kathir dan para *mufassirin* yang lain mengatakan bahawa Allah adalah nama khas kepada Zat Allah (*ism 'alam li zhāt Allah*) dan ia adalah nama yang luhur (*al-ism al-a'zam*). Oleh kerananya Ibn Kathir mengatakan: “dan tidak diberikan nama ini kepada seseorangpun dalam bentuk pengesahan kecuali kepada Allah ‘azza wajalla kerana hanya Dia-lah yang sempurna dalam sifat dan perbuatan”. Ibn Kathir juga menegaskan bahawa ayat tersebut turun untuk menyanggah dakwaan orang Yahudi, Nasrani, dan Kafir Quraysh yang telah menyekutukan Allah.⁶

Sebagai orang yang beriman dan mengucapkan dua kalimah Shahadah, jelas bahawa nama Allah yang disebutkan dalam kalimah Tawhid (*lā ilāha illa Llāh*) bukan nama am, kerana itu Allah tidak wajar dialih bahasakan menjadi Tuhan (*God*), dengan huruf ‘t’ besar, atau tuhan, dengan huruf ‘t’ kecil (*God* atau *god* dalam bahasa Inggeris). Jika Allah adalah nama am, yang boleh diberikan kepada tuhan dalam agama lain, maka tidak ada maknanya kalimah Tawhid: *lā ilāha illa Allāh* (Tiada Tuhan melainkan Allah) kerana ia akan menjadi ‘tiada tuhan melainkan Tuhan’ dan kalimat ini tidak memberi apa-apa makna yang penting. Sememangnya terdapat orang Islam yang menterjemahkan *lā ilāha illa Allāh* sebagai tiada tuhan melainkan Tuhan dengan membezakan antara T besar dengan t kecil pada kalimat Tuhan, dan ini boleh dianggap kesan daripada faham pluralisme agama yang bercanggah dengan faham Tawhid, dan juga memberi ruang kepada relativisme dalam masalah akidah. Pandangan ini dapat disanggah dengan logik yang mudah. Seorang warga Amerika yang waras tidak mungkin akan berkata: “tiada presiden melainkan Presiden” sebaliknya jika ia sangat sayangkan presidennya sekalipun ia akan berkata: “tiada presiden melainkan Presiden Obama”. Jika T besar bermakna Tuhan Sebenar maka tidak wajar nama sebenar tidak digunakan, kecualiilah Tuhan sebenar ini tidak

⁶ Ibn Kathir, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (Kaherah: al-Faruq al-Haditha, 2000), 14: 513

memiliki nama, dan hal ini tidak mungkin berlaku. Maka jelas adanya usaha untuk menutupi perkara yang benar dan ini bermakna adanya keinginan untuk menyembunyikan kebenaran demi menzahirkan toleransi dan pluralisme.

Hakikat bahawa nama Allah adalah nama khas (*proper name*) telah disepakati oleh para ulama terdahulu. Imam Fakhr al-Din al-Razi dalam *al-Tafsīr al-Kabīr* mengatakan:

“Yang terpilih bagi kami bahawa lafaz ini (Allah) adalah nama khas (*ism ‘alam*) bagi Allah Ta’ala dan ia bukanlah perkataan yang dapat dipecahkan (*mushtaq*)⁷ sama sekali. Ini adalah pandangan al-Khalil (seorang yang paling berautoriti dalam hal bahasa) dan Sibawayh, dan pandangan majoriti ulama’ usul dan Fuqaha”.⁸

Ibn ‘Ashur dalam *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr* juga menegaskan bahawa nama Allah adalah nama khas.⁹ Hal yang sama juga dinyatakan oleh Ibn Manzur dalam Kamusnya *Lisān al-‘Arab*.¹⁰ Menarik untuk dicermati bahawa Fakhr al-Razi mengatakan antara yang menunjukkan bahawa nama Allah adalah nama khas yang tidak boleh diganti dengan nama lain ialah hakikat bahawa kalimat Shahadah yang menyebabkan seseorang berpindah daripada kekufuran kepada Islam adalah dengan mengucapkan *lā ilāha illa Allāh*, jika dia mengucapkan perkataan lain daripada itu seperti *lā ilāha illa al-Rahmān*, maka Shahadahnya tidak diterima dan dia tidak dianggap sebagai Muslim.¹¹

⁷ *Ism mushtaq* adalah kata nama yang berasal daripada kata kerja. Ini bererti kata Allah bagi majoriti ulama adalah kata yang bukan berasal dari perkataan lain, bukan dari perkataan *al-ilāh* atau *lāha*. Namun hakikat bahawa kata Allah adalah kata nama khas tidak ada yang mempertikaikan di kalangan umat sehinggalah ke hari ini.

⁸ Fakhr al-Din al-Razi, *al-Tafsīr al-Kabīr/Mafātīh al-Ghayb* (Kaherah: Dar al-Fikr, 2002), 1:162.

⁹ Ibn ‘Ashur, *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr* (Tunis: al-Dar al-Tunisiyyah li al-Nashr, 1984), 1:160 dan 30:614.

¹⁰ Ibn Manzur, *Lisān al-‘Arab* (Kaherah: Tab’ah Bulaq, t.t), 17:362. Beliau mengatakan ia adalah nama Allah yang teragung (*ism Allāh al-akbar*). Ia bukanlah daripada nama yang dapat dipecahkan (memiliki akar kata) menjadi kata kerja (seperti nama Allah yang lain *al-Rahmān* dan *al-Rahīm* boleh menjadi *rahīma* yang bermaksud mengasihi).

¹¹ Al-Fakhr al-Razi, *al-Tafsīr al-Kabīr*, 1:162-164.

Setiap nama pada umumnya mengandung makna, nilai dan konsep yang terkandung bersamanya. Kerana itu persoalan nama ini tidak boleh dipandang ringan. Ketika nama telah melekat dengan penama, dan menjadi nama khas, makna dan nilai yang terkandung dalam nama tersebut menjadi hak milik penama. Sebagai contoh nama Abu Hamid al-Ghazali adalah nama khas bagi seorang tokoh ilmuwan Islam yang ulung iaitu Imam al-Ghazali, ketika orang lain menulis sebuah karya dan meletakkan nama Abu Hamid al-Ghazali di atasnya maka ia adalah satu penipuan dan boleh dianggap suatu jenayah. Pertama ia akan memburukkan dan merosakkan nama Imam al-Ghazali, kerana karyanya itu tentu tidak sejajar dengan kebesaran Imam al-Ghazali. Kedua orang yang mendakwa dirinya al-Ghazali ini akan mendapat penghormatan atau ganjaran yang tidak wajar daripada orang yang jahil atau tidak tahu tentang siapa al-Ghazali sebenarnya, baik di kalangan orang besar mahupun rakyat biasa.¹² Atas kesedaran pentingnya nama sebagai identiti dan wujudnya makna, nilai, atau konsep yang terkandung di dalamnya inilah maka manusia pada hari ini telah memperkenalkan konsep kad pengenalan dan hak cipta dan *trademark*. Dari sini jelaslah bahawa nama tidak boleh ditukar ganti dan berpindah dari satu penama ke penama yang lain.

Kedatangan Al-Qur'an, sebagaimana ditegaskan oleh al-Attas, telah merubah bahasa Arab. Ia juga mengangkatnya ke tahap yang lebih tinggi sehingga tidak tertandingi oleh bahasa lain.¹³ Dengan perubahan ini maka timbullah yang disebut kosa-kata Islam (*Islamic vocabulary*). Hal yang sama berlaku kepada bahasa Melayu. Dalam konteks nama Allah ini, jika perkataan Allah telah wujud sebelum masyarakat Arab mengenal Islam dan perkataan itu diberikan makna baru (diislamisasikan), maka dalam masyarakat Melayu perkataan itu tidak wujud sebelum mereka mengenal Islam dan ketika perkataan itu masuk dalam perbendaharaan bahasa Melayu ia adalah perkataan yang telah diislamisasikan sejak mula.

¹² Bayangkan juga nama-nama produk seperti Sony, BMW dan juga nama-nama orang besar lainnya yang tidak boleh disalahgunakan.

¹³ Al-Attas, *Islam and Secularism*, 46

Maka dengan kemasukan perkataan baru yang telah diislamisasikan ini, perkataan Allah telah menjadi salah satu kosa-kata Melayu-Islam. Sebagaimana kosa-kata lain ia mestilah digunakan sesuai dengan makna yang diinginkan oleh orang Melayu-Islam dan terakam dalam kamus-kamus bahasa Melayu. Maka sesiapaupun yang ingin menggunakan kosa-kata tersebut hendaklah menggunakannya sesuai maksudnya yang benar, dan tidak boleh menggunakannya mengikut makna yang lain.¹⁴ Dalam hal ini tidak timbul pertikaian ketika menyentuh perkataan yang tidak berkaitan dengan agama, contohnya maksud perkataan kereta bagi orang Melayu berbeza bagi orang Indonesia, yang bagi orang Indonesia membawa maksud kereta api. Dalam penulisan di negara ini, orang Indonesia mestilah menghormati perbezaan ini dan tunduk kepada penggunaannya di Malaysia. Tidak ada alasan bagi mereka untuk berkeras menggunakannya mengikut kefahaman mereka, ini penting bagi mengelakkan salah faham sehingga kadang-kadang boleh menyinggung perasaan atau menimbulkan kemarahan.

3. Apakah Tuhan Orang Islam, Yahudi dan Nasrani Sama?

Dalam usaha membenarkan pandangan mereka, terdapat beberapa tulisan yang pergi lebih jauh dalam ranah teologi dengan mendakwa bahawa Tuhan orang Islam, Nasrani dan Yahudi adalah sama.¹⁵ Perbezaan hanyalah dari sudut penamaan Tuhan. Bagi mereka nama boleh berbeza tetapi hakikat Tuhan itu adalah sama. Tuhan yang satu inilah yang telah mengutus seluruh nabi dan rasul kepada umat Manusia sehingga melahirkan banyak tradisi atau kepercayaan. Tulisan-tulisan seperti ini membawa mesej hampir sama dengan karya-karya golongan pluralis seperti John Hick yang bertajuk *God Has Many Names* dan *Three Faiths-*

¹⁴ Jika ada yang berhujah bahawa di Sabah orang Kristian telah menggunakan nama Allah selama sekitar 200 tahun, hal ini tidak membenarkan tindakan mereka itu, justeru kesalahan yang lalu selama manapun harus dibetulkan untuk kepentingan bersama. Dan 200 tahun tidak seberapa berbanding lebih kurang 1000 tahun orang Melayu beragama Islam.

¹⁵ Lihat contohnya Louay Safi, "ISNA Commends Malaysian Court Ruling that Affirms Religious Freedom of Christians" dalam <http://www.isna.net/articles/Press-Releases/ISNA-Commends-Malaysian-Court-Ruling-that-Affirms-Religious-Freedom-of-Christians.aspx>. (4 Januari 2010) dalam artikel tersebut ditulis: "*The Qur'an commands Muslims to declare that the God they worship and the one worshiped by the followers of revealed books, including Christians, is one*"

One God, demikian juga karya Nurcholish Madjid *Pintu-pintu Menuju Tuhan dan Satu Tuhan Seribu Tafsir* oleh Abdul Munir Mul Khan.¹⁶ Karya-karya di atas ditulis untuk mendukung tesis pluralisme agama, faham yang menyatakan semua agama benar. Alasan utama mereka adalah semua agama mengajak penganutnya menyembah Tuhan yang sama dengan cara dan jalan yang berbeza.¹⁷

Terdapat juga pandangan agar umat Islam di Barat menggunakan nama *God* berbanding Allah. Dengan alasan ia akan merapatkan dan membuka ruang dialog dengan orang bukan Islam khususnya Yahudi dan Nasrani. Umar Faruq Abdullah daripada *Nawawi Foundation* mengatakan:

*Use of "God" emphasizes the extensive middle ground we share with other Abrahamic and universal traditions and provides a simple and cogent means by which Muslims may act upon the Qur'anic injunction to stress the similarities between us ... We must overcome our misgivings about "God" both because of the word's intrinsic, historical merit and because it empowers us to communicate with our Jewish, Christian, and other English-speaking neighbors in a meaningful way.*¹⁸

Jika golongan pluralis beranggapan bahawa ada banyak "jalan" menuju Tuhan, kita berpandangan bahawa hanya ada satu "jalan"¹⁹, pada satu-satu masa, yang menuju kepada Tuhan yang sebenar. Allah sebagai Tuhan yang sebenar, dengan rahmat dan kasih sayangNya kepada umat

¹⁶ Lihat Nurcholish Madjid, *Pintu-pintu Menuju Tuhan* (Jakarta: Paramadina, 1994); Budhy Munawwar Rachman, *Islam Pluralis: Wacana Kesetaraan Kaum Beriman* (Jakarta: Raja Grafindo Persada, 2004); Abdul Munir Mul Khan, *Satu Tuhan Seribu Tafsir* (Yogyakarta: Penerbit Kanisius dan IMPULSE, 2007).

¹⁷ Mengenai Tanggapan terhadap pluralisme agama lihat artikel penulis "Kritik Atas Pluralisme dan Kesatuan Agama" dalam *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*, 2006 (Akademi Kajian Ketamadunan) dan cetakan kedua 2009 (Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM).

¹⁸ Umar Faruq Abd-Allah, "One God, Many Names," 7-8. Diterbitkan dalam laman web www.nawawi.org/downloads/article2.pdf

¹⁹ Jika yang dimaksud dengan jalan di sini ialah agama.

manusia, telah menunjukkan jalan yang benar melalui para nabi dan rasul yang diutusNya, agar mereka tidak meraba-raba dalam kegelapan. Maka manusia yang ingin mengenal dan mendekatkan diri kepada Allah mahu tidak mahu harus mengikut Jalan yang benar yang ditentukan oleh Allah sendiri. Sememangnya agama Islam merupakan kesinambungan *millah* Ibrahim, tetapi sebagai risalah yang terakhir Islam telah disempurnakan oleh Allah dan tidak mengalami kerosakan (*tahrīf* dan *tabdīl*) seperti agama Yahudi dan Nasrani. Oleh kerana itu hanya Islam lah risalah yang benar-benar meneruskan *millah* Ibrahim itu. Dengan kedatangan Rasulullah *ṣalla'LLāh 'alayhi wa sallam* semua pengikut nabi-nabi lain dituntut untuk mengikut baginda, sesuatu yang telah pun dipesan oleh para nabi dan rasul mereka. Oleh yang demikian sejak zaman nabi Adam sehinggalah ke hari kiamat, “jalan” dan agama yang benar yang diturunkan oleh Allah hanyalah satu. Suatu hakikat yang mesti difahami juga ialah agama Yahudi dan Nasrani sejak sekian lama telah mengalami perubahan sehingga tidak lagi tepat untuk disamakan dengan agama yang dibawa oleh nabi Musa dan nabi Isa *'alayhim al-salām*. Jadi walaupun semua nabi menyeru kepada Tawhid, dan mereka seperti adik beradik (maksud hadith), ini tidak bermakna semua agama yang dikatakan “samawi” ini diterima oleh Allah sebagai agama dan jalan yang benar, kerana telah berlaku kerosakan (*corruption*) dan penyelewengan pada agama tersebut. Demikian juga, memang benar bahawa setiap rasul diberikan shari‘at yang tersendiri, *likullin ja‘alnā minkum shir‘atan wa minhāja*²⁰ (*al-Mā'idah*: 48), tetapi fakta ini perlu diletakkan dalam kerangka yang lebih besar bahawa shari‘at-shari‘at itu bersifat sementara dan dengan diutusnya Rasulullah *ṣalla'LLāh 'alayhi wa sallam* sebagai Rasul terakhir maka shari‘at-shari‘at yang sementara ini diganti (dimansuhkan) dengan Shari‘ah Islam yang universal (*rahmatan li al-‘ālamīn*). Konsep *rahmatan li al-‘ālamīn* tidak harus diselewengkan untuk menjadikan Islam sebagai agama yang sentiasa akomodatif atau sinkretis, sebaliknya ia harus menjadi piawaian bagi segala nilai dan bersifat universal.

²⁰ *Minhāj* yang bermaksud jalan di sini tidak merujuk kepada agama tetapi kepada kaedah yang berbeza yang ditempuh oleh masing-masing nabi. Kaedah mereka mungkin berbeza namun esensi (Tawhid) -nya tetap sama.

Jika Tuhan yang disembah oleh umat Islam, Yahudi dan Nasrani adalah sama, maka kesannya adalah umat Islam harus mengakui bahawa agama Yahudi dan Nasrani juga benar. Dan tidak ada alasan bagi penganut agama Islam mendakwa hanya Islam sahajalah agama yang benar.²¹ Walaupun kita menyokong toleransi beragama dan pentingnya menghormati penganut agama lain, tetapi penggunaan nama Allah oleh bukan Islam ini hanya akan mengukuhkan penyebaran pluralisme agama dan dengan demikian akan menggugat akidah Islam. Kesan lain antaranya adalah tidak ada halangan untuk menyambut Hari Natal bersama (kongsi raya), suatu yang sangat ditentang oleh para ulama.²² Bukan kerana ulama ini tidak mendukung perpaduan dan keharmonian sosial tetapi kerana Islam menuntut agar kebenaran ditegakkan dan tidak dikelirukan. Sebaliknya perpaduan dan keharmonian boleh dicapai tanpa perlu meleburkan akidah dan kepercayaan kita. Nilai persatuan dan perpaduan tidak wajar diutamakan melebihi nilai kebenaran dan keadilan, justeru perpaduan sejati hanya akan tercapai apabila kebenaran dan keadilan telah ditegakkan. Apabila pluralisme agama diterima maka tertutuplah pintu dakwah dan terbukalah pintu relativisme dan kekeliruan. Tidak ada alasan untuk orang Islam berdakwah kepada orang bukan Islam, jika kedua pihak telah sepakat bahawa mereka menyembah Tuhan yang sama.

Konsep Tawhid yang menjadi ciri khas agama Islam tidak dapat disamakan dengan *monotheism*, jika agama Yahudi dan Nasrani mengaku sebagai agama *monotheist* kerana mengakui adanya Tuhan yang Esa, ini tidak bermakna bahawa Yahudi dan Nasrani juga adalah agama yang mentawhidkan Allah. Al-Qur'an meletakkan tiga syarat yang gagal dipenuhi oleh agama Kristian dan Yahudi iaitu beribadah hanya kepada Allah, tidak mensyirikkan Allah, tidak mengangkat manusia sebagai Tuhan dengan menta'ati mereka dalam menghalalkan yang haram dan

²¹ Apabila orang Islam mendakwa hanya Islam sahaja agama yang benar ia tidak bermakna agama lain harus dihapuskan. Justeru kita berpandangan bahawa setiap penganut agama berhak mendakwa hanya agamanyalah yang benar kerana itu adalah sesuatu yang lumrah dalam beragama, dan dari sudut ini adalah baik. Malah relativisme kebenaran hanya akan melunturkan kepercayaan seseorang kepada agamanya dan mengundang kekeliruan dan nihilisme.

²² Lihat contohnya artikel Hamka "Toleransi, Sekularisme atau Sinkretisme" dalam *Dari Hati ke Hati* (Jakarta: Pustaka Panjimas, 2002). juga dapat dilihat dalam khairaummah.com

mengharamkan yang halal.²³ Mereka telah gagal memenuhi tuntutan Tawhid ini dan justeru telah mensyirikkan Allah apabila menjadikan Isa dan Uzair anak Tuhan dan mengangkat para paderi sebagai orang-orang yang menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Oleh kerana adanya perbezaan teologi yang mendasar (*fundamental theological differences*) inilah, maka Tuhan yang disembah oleh umat Islam berlainan dengan Tuhan yang disembah oleh pengikut Kristian dan Yahudi. Tentang perbezaan konsepsi inilah, sebagaimana dijelaskan di atas, diturunkan surah *al-Ikhlāṣ* sebagaimana telah dijelaskan di atas.

Terdapat satu perkara yang menjadi punca kekeliruan golongan yang membenarkan penggunaan nama Allah oleh bukan Islam, khususnya penganut Kristian. Di antara mereka ada yang berhujah bahawa Islam telah membenarkan orang Islam memakan hasil sembelihan Ahl al-Kitab dan mengahwini perempuan Ahl al-Kitab.²⁴ Mereka berkesimpulan bahawa keringanan ini menunjukkan bahawa Ahl al-Kitab dan umat Islam sama-sama *beriman* kepada Allah. Persoalan yang perlu dirungkai adalah apakah golongan Ahl al-Kitab tergolong dalam mereka yang *beriman* kepada Allah? Di sini penting dijelaskan perbezaan antara ketidakpercayaan (*disbelief*) dan kesalahpercayaan (*misbelief*). Menurut Profesor al-Attas, kesalahpercayaan merupakan sebahagian dari ketidakpercayaan. Seseorang itu mungkin mengaku beriman kepada Allah tetapi pada hakikatnya ia menyalahi kepercayaannya itu. Kerana itu al-Attas menolak anggapan sebahagian orang bahawa kepercayaan kepada Tuhan Yang Maha Esa sudah cukup dalam menentukan keimanan seseorang. Kerana Iblis pun percaya kepada Tuhan yang Esa, mengenal dan mengakuiNya sebagai Pencipta, namun demikian ia tetap dinyatakan kafir. Al-Attas juga mengatakan:

²³ Surah Ali ‘Imran: 64: “Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewadewakan selain dari Allah”. Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: “Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam”.

²⁴ lihat surah al-Ma’idah: 5 dan tafsirnya.

Seorang kafir itu mungkin juga orang yang menganut kepercayaan kepada Tuhan Yang Esa, tetapi tidak berserah diri dalam penyerahan diri yang sesungguhnya, melainkan memilih untuk berserah diri menurut caranya sendiri yang keras kepala – suatu cara, ragam atau bentuk yang tidak diredhai ataupun tidak diwahyukan dan diperintahkan oleh Allah.²⁵

Dengan demikian orang Yahudi dan Nasrani tidak boleh dianggap telah beriman kepada Allah dalam pengertian yang sesungguhnya. Kerana itu dalam Kalimah Tawhid kedua-dua unsur Shahadah tidak boleh dipisahkan. Pengakuan akan kerasulan nabi Muhammad *ṣalla 'Llāh 'alayhi wa sallam* menjadi unsur penting dalam keimanan yang sebenar.²⁶ Dengan kata lain, kalimah shahadah itu sudah cukup untuk menjadi antitesis dan membatalkan sebarang dakwaan keimanan orang selain Islam.

Kelompok bukan Islam yang menuntut menggunakan nama Allah menganggapnya sebagai hak dan kebebasan mereka. Walhal tujuan mereka menggunakan nama Allah adalah jelas untuk mengelirukan orang Islam. Mesej yang ingin diberi adalah “meskipun identiti kita berbeza (Kristian, Yahudi, Muslim), betapapun perbezaan terlihat jelas dari segi teologi, pada hakikatnya Tuhan kita sama, kita semua berkongsi Tuhan yang sama”. Padahal Islam telah mengajarkan kita bahawa Tawhid merupakan garis pemisah antara Islam dan kufur. Tawhid ini juga yang menggariskan bahawa Tuhan yang disembah oleh umat Islam berbeza dari segi sifat, nama, dan yang paling penting adalah dari segi esensinya dengan Tuhan yang disembah oleh orang bukan Islam. Kerana itulah dalam surah *al-Kāfirūn* disebutkan: “*lā a 'budu ma ta 'budūn walā antum 'ābiduna ma a 'bud*” (aku tidak menyembah apa yang kamu sembah dan kamu tidak menyembah apa yang aku sembah). Dan ayat ini tidak hanya dikhususkan kepada kafir Quraish tetapi juga kepada orang kafir umumnya.

²⁵ Al-Attas, *Islam dan Sekularisme* (Bandung: PIMPIN, 2010), 82.

²⁶ Abu Hamid al-Ghazali, *al-Iqtisād fi al-I'tiqād* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983), 156-7.

4. Tentang Orang Arab Bukan Islam Yang Menggunakan Nama Allah

Untuk menjawab persoalan atau keraguan yang ditimbulkan ini pertama sekali perlu dijelaskan bahawa konteks masyarakat Melayu berbeza dengan masyarakat Arab. Perkataan Allah adalah perkataan Arab yang telah wujud sebelum kedatangan Islam oleh nabi Muhammad *ṣalla ‘Llāh ‘alayhi wa sallam*. Orang bukan Islam yang datang ke negeri Arab, baik Yahudi mahupun Nasrani, telah menggunakan perkataan Allah untuk merujuk kepada Tuhan mereka selama lebih 1400 tahun yang lalu kerana bahasa Arablah bahasa yang mereka gunakan. Jika orang bukan Islam dalam masyarakat Arab hari ini masih menggunakan nama Allah maka hal ini wajar dalam konteks tersebut, kerana mereka tidak mengalami Islamisasi dan sehingga ke hari ini masih menggunakan bahasa Arab. Dalam konteks Malaysia yang bahasanya bukan bahasa Arab, dan orang bukan Islam yang bukan orang Arab, maka penggunaan nama Allah oleh mereka adalah sesuatu yang janggal. Sesuatu yang dipaksakan, yang sengaja ditimbulkan untuk tujuan-tujuan yang tidak baik. Oleh itu jika di negara-negara Arab hal ini dibenarkan, melihat kepada fakta sejarahnya, ia tidak boleh dijadikan ukuran untuk membenarkan hal yang serupa berlaku di Malaysia dan di negara-negara bukan Arab.

Sesetengah orang Islam yang keliru dalam menanggapi isu ini berhujah bahawa dalam al-Qur’an ada disebutkan bahawa orang Yahudi mendakwa ‘Uzair itu anak Allah’, dan orang Nasrani mendakwa bahawa ‘al-Masih itu anak Allah’.²⁷ Sebenarnya jika diperhatikan dengan teliti dan dengan mengambil kira perbezaan bahasa, yang mereka katakan sebenarnya tidaklah betul-betul sama seperti itu, kerana dalam bahasa mereka, iaitu bahasa Ibrani, perkataan yang mereka gunakan sebenarnya adalah Uzair itu anak Tuhan (Yahweh/ Elohim), dan al-Masih itu anak Tuhan (Yahweh/ Elohim), tidak ada perkataan Allah dalam bahasa mereka. Demikian juga ayat 40 daripada surah al-Hajj yang digunakan bagi membenarkan pandangan mereka. Al-Qur’an sebenarnya menterjemahkan kata-kata mereka yang tentunya bukan dalam bahasa Arab tetapi dalam bahasa mereka sendiri, iaitu Ibrani, untuk difahami

²⁷ lihat *surah al-Tawbah*: 30.

oleh orang Arab atau orang Islam. Oleh kerananya perkataan yang digunakan adalah Allah kerana Allah dari segi bahasa adalah Tuhan. Maka ayat-ayat di atas tidak merujuk Allah sebagai nama khas tetapi sebagai Tuhan. Jelas mereka tidak memahami adanya dua bentuk penggunaan seperti yang akan diterangkan sebentar lagi. Penggunaan dalil seperti ini oleh golongan ini menunjukkan sikap yang ceroboh dan kurangnya kehati-hatian.

Untuk memahami dengan baik ayat-ayat al-Qur'an berkaitan nama Allah, perlu difahami terlebih dahulu bahawa dalam al-Qur'an ada dua bentuk penggunaan perkataan Allah, pertama yang umum merujuk kepada maknanya dari segi bahasa; kedua yang khusus merujuk kepada penggunaannya secara teknikal (*istilahi*). Hal ini tidak eksklusif pada perkataan Allah sahaja tetapi juga perkataan-perkataan lain seperti *solat*²⁸ (lihat *al-Tawbah*: 103), *kuffar*²⁹ (lihat *al-Hadid*: 20; *al-Fath*: 29) yang digunakan secara umum, tetapi lebih banyak penggunaan yang khusus. Maka seorang ulama' perlu mengetahui perbezaan ini dan meletakkannya di tempat yang sewajarnya. Penggunaan yang umum biasanya merujuk kepada masyarakat bukan Islam ataupun dalam konteks yang umum. Sedangkan penggunaan yang khusus merujuk kepada pemahaman masyarakat Islam yang telah mengalami proses Islamisasi dan telah dibentuk akidah mereka. Penggunaan yang khusus lebih banyak daripada penggunaan yang umum, ini selaras dengan banyaknya ayat-ayat yang turun merujuk kepada tahap intensif Islamisasi. Tahap Islamisasi yang intensif sebenarnya berlaku di Makkah lagi apabila konsep-konsep mendasar dan penting dijelaskan dengan panjang lebar. Dalam konteks inilah ayat-ayat seperti dalam surah *al-Ikhlās*, *al-Kāfirūn*, *ayat Kursi* dan lain-lain diturunkan agar konsepsi yang jelas tentang Tuhan dapat difahami dan dihayati oleh kaum Muslimin.

Umat Islam yang telah mengalami proses Islamisasi, baik di Arab mahupun di alam Melayu, mempunyai kefahaman yang jelas tentang Allah. kefahaman yang jelas ini adalah kesan proses Islamisasi selama lebih 1400 tahun di Arab dan lebih 1000 tahun di alam Melayu. Islamisasi

²⁸ Al-Solah dalam ayat ini bermaksud doa sedang dalam banyak ayat yang lain bermaksud Solat yang difardukan.

²⁹ Dalam ayat-ayat ini kuffar tidak bermaksud orang-orang yang kafir tetapi para petani.

berlaku apabila nama-nama atau istilah-istilah yang telah wujud sebelum Islam diberikan makna baru. Proses Islamisasi ini telah menjadi garis pemisah antara Islam dengan kufur. Dalam konteks nama Allah ini Islamisasi telah memisahkan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain. Walaupun ia adalah sebuah nama bagi Tuhan, tetapi ia bukan sebarang nama kerana maknanya sarat dengan perbezaan teologi yang mendasar yang membezakan Allah dengan nama-nama tuhan yang lain. Adalah sesuatu yang malang jika umat Islam membenarkan orang bukan Islam menggunakannya, sedangkan ia berkuasa untuk melarangnya³⁰, dan akibatnya yang akan berlaku adalah pendangkalan makna nama Allah. Jika ini berlaku bermakna umat Islam hari ini telah membenarkan berlakunya deislamisasi. Suatu langkah mundur 1000 tahun ke belakang. Kalimah *lā ilāha illa Allāh* bermaksud tiada tuhan melainkan Allah, dengan pendangkalan makna di atas maka kalimat Tawhid ini akan bermaksud tiada tuhan melainkan Tuhan, walaupun bukan ini yang dikehendaki dalam Islam dan oleh para ulama'nya tetapi inilah maksud yang sah pada mata umum. Dengan demikian kalimah Tawhid yang seharusnya jelas, tegas dan mempunyai kesan dan implikasi yang besar dalam kehidupan seorang Muslim akan menjadi kata-kata yang bertindih (*redundant*), mengandungi percanggahan (*incoherence*) dan tidak memberi makna yang dikehendaki.

5. Masyarakat Jahiliyyah Yang Menyebut Allah

Di samping keraguan-keraguan di atas, golongan literalis (*al-zāhiriyyah al-judud*) menyandarkan hujah mereka kepada ayat al-Qur'an Surah *al-Zumar*: 38³¹ yang bermaksud:

“Dan Demi sesungguhnya! jika Engkau (Wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: “Siapakah Yang mencipta langit dan bumi?” Sudah tentu mereka akan menjawab: “Allah”. Katakanlah: “Maka terangkanlah

³⁰ Dengan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan, perlembagaan Malaysia memberikan umat Islam, khususnya kerajaan, kuasa untuk melarang orang bukan Islam daripada menggunakan nama Allah. Sesuatu yang tidak terdapat di Indonesia dan banyak negara Arab. Jika di negara-negara tersebut hal ini seolah-oleh “dibenarkan” ia adalah kerana mereka tidak mempunyai kuasa tersebut di atas sedangkan umat Islam di negara ini memiliki kuasa untuk menghalang berlakunya sesuatu yang mereka tidak inginkan.

³¹ Juga dalam surah *Luqman*: 25

kepadaku tentang apa yang kamu seru selain Allah, jika Allah hendak mendatangkan kemudharatan kepadaku, apakah berhala-berhalamu itu dapat menghilangkan kemudharatan itu, atau jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, apakah mereka dapat menahan rahmatNya?. Katakanlah: “Cukuplah Allah bagiku”. KepadaNya lah bertawakkal orang-orang yang berserah diri”.

Memang pada zahirnya ayat tersebut menyatakan bahawa orang Quraish jahiliyyah pada hakikatnya percaya bahawa Allah adalah Tuhan mereka. Namun sebagaimana disebutkan di atas yang dimaksudkan dengan perkataan Allah di dalam ayat ini bukan nama khas tetapi nama am, dari sudut bahasa dan sebelum diislamisasikan, yang bermaksud Tuhan. Faktanya, perkataan Allah telah digunakan oleh masyarakat Jahiliyyah sejak lama sebelum kedatangan Islam, adalah sesuatu yang tidak mungkin al-Qur'an menggunakan perkataan lain bagi merujuk kepada Tuhan sedangkan ia diturunkan dalam bahasa Arab. Jadi ketika al-Qur'an menceritakan apa yang dipercayai oleh masyarakat Arab Jahiliyyah al-Qur'an memberitahukan bahawa mereka sebenarnya percaya akan wujudnya Allah (Tuhan), bahawa Allah (Tuhan) lah yang menciptakan segalanya. Tetapi di bahagian kedua ayat itu juga, al-Qur'an menegaskan kesilapan yang mereka lakukan apabila mereka telah mensyirikkan Allah. Syirik yang mereka lakukan itu sebenarnya telah membatalkan dakwaan mereka bahawa mereka menyembah Allah yang Esa. Pembacaan yang atomistik dan separuh-separuh sering dilakukan oleh golongan ini seperti yang dilakukan terhadap Surah *al-Ankabūt*: 46, *Āli 'Imrān*: 64 dan *al-Hajj*:40.³² Ayat-ayat tersebut tidak boleh difahami secara terasing dan dipisahkan dengan ayat-ayat yang jelas-jelas menyatakan kekafiran orang-orang Yahudi dan Nasrani.³³ Demikianlah ayat-ayat al-Qur'an

³² Surah *al-Ankabūt*: 46 contohnya menyebut: “dan katakanlah kami telah beriman kepada (kitab-kitab) yang diturunkan kepada kami dan yang diturunkan kepadamu; Tuhan kami dan Tuhanmu adalah satu; dan hanya kepadaNya kami berserah diri”. Ayat ini perlu difahami sebagai usaha berdakwah kepada mereka agar menerima konsep Tawhid, supaya mereka juga menerima Tuhan yang satu itu, kerana itu di akhir ayat disebutkan ‘*wa nahnu lahū muslimūn*’ ertinya kamilah yang berserah diri kepada Allah dan bukan Ahl al-Kitab. Ayat tersebut tidak sesekali menegaskan bahawa Tuhan yang mereka sembah adalah sama dengan Tuhan yang disembah oleh umat Islam.

³³ Lihat *al-Ma'idah*: 72, 73; *al-Tawbah*: 29-31; *al-Baqarah*: 89; lihat juga *al-Milal wa al-Nihal* oleh al-Shahristani tentang kedudukan orang Yahudi dan Nasrani di sisi Islam, (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1997), 1:249.

sering diambil separuh-separuh, secara terpisah dan tanpa memahami maksudnya yang sebenar dan ia hanya digunakan untuk membenarkan faham pluralisme agama mereka. Oleh kerana itu para ulama Usul fiqh sering mengingatkan agar seseorang itu meletakkan nas *juz'i* (khusus) dengan melihat kepada yang *kulli* (keseluruhan) dan tidak terpisah daripadanya.³⁴

Tawhid datang melalui para Rasul untuk mengajarkan umat manusia siapa Tuhan itu sebenarnya. Dengan risalah Tawhid ini manusia dibebaskan daripada kepercayaan panteisme, politeisme, dinamisme dan animisme. Kedatangan nabi Muhammad *ṣalla 'Llāh 'alayhi wa sallam* walaupun sebagai kesinambungan dari nabi-nabi sebelumnya tetapi juga untuk meluruskan penyimpangan akidah oleh kaum Yahudi, Nasrani dan masyarakat Jahiliyyah. Oleh itu penggunaan nama Allah oleh masyarakat Jahiliyyah adalah penggunaan yang umum yang hanya bermaksud Tuhan kerana demikianlah makna Allah dari segi bahasa (sebelum ia diislamisasikan). Tetapi setelah kedatangan Islam penggunaan umum ini tidak relevan lagi bagi masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam yang bukan Arab pada hari ini. Maka ayat di atas sebenarnya tidak sama sekali membenarkan orang bukan Islam di negara ini menggunakan nama Allah untuk Tuhan mereka. Perbezaan konteks menyebabkan perbezaan pertimbangan dan penilaian: Arab jahiliyyah telah menggunakan perkataan Allah sebelum Islam datang sedangkan orang bukan Islam di negara ini, dan di negara selain Arab, tidak mengenal perkataan ini sebelum Islam datang kepada masyarakat Melayu. Maka dalam konteks Nusantara dan bukan Arab, perkataan Allah adalah perkataan baru yang diperkenalkan oleh Islam. Oleh itu adalah sesuatu yang tidak benar apabila dikatakan bahawa terdapat dalil yang membenarkan orang bukan Islam menggunakan nama Allah.

6. Bahaya Pendekatan Literalis

Terdapat kekeliruan yang besar apabila sebahagian agamawan yang hanya merujuk kepada nas atau dalil dan menolak segala sesuatu selain daripada *naṣ*. Kelompok literalis dan *rigid* ini ketika melihat ada

³⁴ lihat al-Shatibi, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah* (Beirut: Dār Iḥya al-Turāth al-'Arabī, 2001), 3:7

sebahagian ayat al-Qur'an yang secara literalnya seolah-olah membenarkan penggunaan nama Allah oleh bukan Islam, maka secara terburu-buru menggunakannya sebagai hujah tanpa meneliti dengan mendalam maksud ayat-ayat tersebut, hubungannya dengan ayat-ayat yang lain dan perbezaan konteksnya lalu terus mengambil kesimpulan bahawa orang bukan Islam boleh menggunakan nama Allah. Hakikatnya *naş* bukanlah segala-galanya. Selain *naş*, ada ilmu yang diwariskan oleh para ulama. Inilah yang dimaksudkan bahawa ulama itu pewaris nabi. Mereka itu mewariskan ilmu yang diperolehi oleh nabi (*hadīth*). Kelebihan ilmu ini jugalah yang membezakan antara si jahil dengan orang alim. Orang jahil boleh sahaja berhujah dengan ayat dan hadith tetapi dia tidak tahu bagaimana seharusnya ayat dan hadith itu difahami dan digunakan.

Kita tahu bahawa ayat-ayat al-Qur'an terhad dan permasalahan yang timbul sentiasa bertambah. Seorang mujtahid, ulama atau pemikir, perlu dapat memberikan jawapan bagi setiap persoalan berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan hadith yang terhad itu. Di sinilah letaknya kedinamikan atau keluwesan Shari'ah, sehingga ia sesuai diterapkan sepanjang masa. Mereka harus dapat merumuskan prinsip-prinsip dan *maqāsid al-Sharī'ah* (tujuan Shari'ah), baik yang tersurat mahupun yang tersirat, daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Berdasarkan prinsip dan tujuan inilah mereka cuba menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang timbul. Oleh itu kemampuan yang perlu ada pada seorang mujtahid bukanlah mengeluarkan ayat-ayat atau hadith dalam menanggapi sesuatu persoalan tetapi kebijaksanaan yang terbit dari kefahamannya yang mendalam terhadap al-Qur'an dan Sunnah serta karya-karya ulama terdahulu (*al-turāth*). Maka walaupun tiada nas yang khusus dalam persoalan nama Allah ini kita tetap dapat sampai kepada kepastian mengenai hukumnya.

Melihat kepada keterbatasan ilmu setiap bidang yang diceburi oleh seseorang ilmuwan pada hari ini. Maka persoalan nama Allah ini bukan hanya ulama' fiqh yang perlu dirujuk. Oleh kerana persoalan ini sebenarnya persoalan berkaitan Usuluddin atau ilmu Tawhid, maka ia perlu merujuk kepada ulama' Usuluddin dan ilmu Tawhid yang pada zaman dahulu sering disebut *Mutakallimūn* (Ahli ilmu Kalam). Kerana itu seseorang yang ingin membahis isu ini perlu menguasai ilmu Tawhid, ilmu Kalam, epistemologi Islam, falsafah Islam dan metafizik Islam. Maka persoalannya bukan apakah hukumnya halal atau haram tetapi

lebih penting dari itu, apakah ia dapat diterima dari sudut akidah dan pemikiran dan sejauhmanakah kesannya terhadap akidah seorang Muslim? Walaupun sepatutnya seorang mujtahid menguasai kedua-dua bidang Shari'ah dan Usuluddin dengan baik sebagaimana para ulama terdahulu, namun realitinya pada hari ini ia tidak berlaku. Maka amat penting seseorang ilmuwan itu menyedari keterbatasan ilmunya.

7. Kepentingan Kebijaksanaan

Kecenderungan hari ini menampakkan bahawa para ulama' fiqh akan dapat menjawab segala persoalan berkaitan Islam. Ini secara tidak langsung merupakan suatu kecenderungan untuk menjadikan semua persoalan berkaitan Islam sebagai persoalan fiqh. Hakikatnya tidak semua persoalan dapat dikategorikan sebagai persoalan hukum hakam dan bukan semua persoalan dapat dipecahkan dengan kaedah fiqh. Persoalan nama Allah ini menunjukkan bahawa ada perkara-perkara yang memerlukan kepada kekuatan hujah yang memerlukan perenungan, kefahaman yang mendalam dan kebijaksanaan yang tinggi dan bukan hanya pencarian dalil dan pemahaman yang literal. Hakikat ini didukung dengan kenyataan bahawa ilmu Tawhid (Usuluddin) menempati kedudukan yang tertinggi dalam skema keilmuan Islam seperti sering ditekankan oleh Imam al-Ghazali.

Selain dari itu kita dapat melihat bahawa terdapat kecenderungan yang meluas ketika ini dalam memahami Islam dengan pendekatan literalis. Golongan ini kononnya hanya berpandukan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah dan tidak merasa perlu untuk mendengar panduan dan pandangan para ulama'. Golongan Pseudo-Salafi ini mengatakan jika tiada *naş* atau dalil maka apapun yang diutarakan hanyalah pandangan yang relatif kerana ia berdasarkan kepada akal fikiran manusia yang boleh ditolak dan boleh diterima.³⁵ Sebenarnya dalam banyak hal kita perlu menggunakan kebijaksanaan kita dan bukan pemahaman yang literal dan tekstualistik. Pendekatan literalis dan tekstualistik ini menyebabkan

³⁵ Untuk penjelasan lanjut mengenai golongan Pseudo-Salafi ini lihat makalah penulis "Pseudo-Salafi, Ekstrimisme dan Keruntuhan Autoriti" dibentangkan pada *Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan II* (PEMIKIR II), APIUM, 20-22 Julai 2010. Pautan laman web: http://mufakkirisلامي.files.wordpress.com/2010/07/khalif_pseudo-salafi-ekstrimisme-dan-keruntuhan-autoriti.pdf

sebahagian orang bersikap ekstrim dan *rigid* (kaku) dalam memahami agama. Contohnya segolongan lelaki mengongkong isteri mereka dari keluar rumah, dengan alasan adanya nas al-Qur'an yang memerintahkan seperti itu. Ada yang berpandangan bahawa kerana ilmu itu milik Allah, sebagaimana ditegaskan dalam al-Qur'an, maka cetak rompak dan plagiarisme dibenarkan. Bahkan golongan ekstrimis yang banyak melakukan keganasan juga menggunakan beberapa ayat al-Qur'an yang kononnya menyuruh umat Islam membunuh orang kafir, tanpa memahami konteksnya dan mengapa ayat itu diturunkan. Semua pendekatan ini sangat bersalahan dengan suruhan al-Qur'an dan memberi kesan gambaran yang buruk terhadap tahap kebijaksanaan orang Islam.

Islam memberi tempat yang sewajarnya kepada akal fikiran (*human intelligence*). Yang dimaksudkan di sini bukanlah *reason* dan hubungannya dengan rasionalisme falsafah yang berkembang di Barat. Mengenai rasionalisme Barat yang menjadi pegangan golongan liberal dan modenis ini penulis telah jelaskan dalam buku tersendiri.³⁶ Adapun kedudukan dan kepentingan akal dalam Islam telah dijelaskan oleh ulama'-ulama' muktabar. Imam al-Ghazali antara lain mengatakan:

“Akal itu umpama penglihatan yang selamat dari cacat cela, dan al-Qur'an itu umpama matahari yang menyinari jagat raya, dengan keduanya seseorang itu dapat memperoleh hidayah. Seorang yang mengambil salah satunya tergolong dalam orang-orang yang bodoh, orang yang menolak akal hanya cukup dengan cahaya al-Qur'an sama kedudukannya dengan orang yang mendapatkan cahaya matahari tetapi menutup mata, maka tidaklah berbeza dia dengan orang yang buta. Maka akal dengan Shara' adalah cahaya di atas cahaya”.³⁷

Kecenderungan golongan Pseudo-Salafi yang anti akal ini sebenarnya tidak memiliki akarnya dalam tradisi Islam. Bahkan Ibn Taymiyyah yang mereka angkat sebagai imam Salafiyah tidak mempunyai sikap sedemikian. Ibn Taymiyyah sepakat dengan al-Ghazali tentang kepentingan akal ini apabila beliau mengatakan:

³⁶ Lihat buku penulis *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*.

³⁷ Imam al-Ghazali, *Al-Iqtisād fī al-'Itiqād* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983), 4

“Akal itu syarat dalam mencapai ilmu pengetahuan dan kesempurnaan amal soleh, dengannya akan sempurna ilmu dan amal. Ia seperti kuatnya penglihatan bagi mata maka ketika bertemu dengan cahaya iman dan al-Qur’an maka umpama bertemunya cahaya mata dengan cahaya matahari dan api dan jika mencukupi dengan salah satunya tidak akan dapat seseorang itu memahami segala sesuatu”³⁸.

Bahkan ulama’-ulama’ usul fiqh sendiri mengiktiraf penggunaan akal apabila mereka menjadikan *qiyās, istiislāh, istihsān, al-maṣāliḥ al-mursalah*, dan *sadd al-zarī‘ah* sebagai sumber hukum pelengkap. Di sinilah bermulanya titik perbezaan antara golongan Pseudo-Salafi dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah di mana golongan pseudo-salafi ini cenderung *rigid* terhadap nas dan menolak penggunaan akal dan kebijaksanaan.

Kelompok yang membenarkan orang bukan Islam menggunakan nama Allah kemudian mengenakan syarat kepada orang bukan Islam supaya tidak menyalahgunakan kebenaran tersebut untuk mengkristiankan orang Islam. Justeru kebenaran untuk menggunakan nama Allah yang mereka terima itu adalah kebenaran untuk menyalahgunakan nama Allah. Kerana isu ini timbul apabila pihak gereja menerbitkan Bible dalam bahasa Melayu dengan menggunakan nama Allah bagi merujuk kepada Tuhan mereka. Kebenaran yang mereka perolehi daripada pihak berkuasa bagi menggunakan nama Allah boleh ditafsirkan sebagai pengakuan Tuhan mereka juga bernama Allah. Apabila umat Islam membenarkan penggunaan nama Allah oleh bukan Islam maka ia adalah satu keberhasilan bagi orang bukan Islam dan menunjukkan kebenaran dakwaan mereka bahawa semua agama pada hakikatnya sama, menyembah Tuhan yang sama. Tidak syak lagi ia akan memudahkan lagi proses kristianisasi orang-orang Islam, yang pada hari ini telah berjaya memurtadkan ramai golongan remaja di negara ini.

Bagi umat Islam ia adalah satu kerugian yang sangat besar. Islam tidak akan rugi, berkurang, atau menjadi rendah kerana hal ini tetapi umat Islam yang akan semakin terhimpit. Kefahaman masyarakat terhadap

³⁸ Ibn Taymiyyah, *Majmū‘ Fatawā* (Kaherah: Dar al-Fikr, 1983), 3:338

akidah Islam akan semakin menipis. Kekeliruan akan semakin merajalela. Kerana dari bahasa pandangan alam akan berubah. Deislamisasi banyak berlaku melalui proses pendangkalan makna. Dan ketika ini nama Allah cuba didangkalan maknanya supaya hanya bermaksud Tuhan. Oleh itu jelaslah bahawa isu nama Allah ini adalah isu yang serius yang menyangkut masalah akidah³⁹ ia tidak boleh diambil ringan atau diperkecilkan walaupun dengan tujuan dan alasan untuk berdakwah, dan melindungi hak kebebasan beragama.

8. Penutup

Setelah meneliti permasalahan ini dari pelbagai sudut, bahasa, sejarah, ilmu Tawhid, dan epistemologi, dengan bersandarkan kepada hukum Syara', hukum akal mahupun hukum adat, dengan mempertimbangkan konteks kelainan bahasa dan sejarah Malaysia berbanding negara-negara Arab, dapat disimpulkan bahawa penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam di negara ini bagi merujuk kepada Tuhan mereka adalah sesuatu yang tidak wajar dan bukan merupakan hak mereka sebaliknya merupakan tanggungjawab mereka untuk menghormati penggunaan nama Allah yang benar oleh umat Islam dan tanggungjawab umat Islam untuk melindunginya daripada dicemari. Nama Allah adalah nama yang suci, yang di alam Melayu sejak awal penggunaannya telah membawa makna yang Islami, bukan makna umum dari segi bahasa sebagai Tuhan, melainkan makna khusus, sebagai Tuhan yang memiliki sifat-sifat yang tidak sama dengan tuhan-tuhan yang lain. Telah banyak pandangan daripada para ilmuwan dan ulama' besar dikemukakan,⁴⁰ bahkan Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas telah menjawab isu ini sejak tahun 80an.⁴¹ Melihat kepada ramainya yang tampil memberi pandangan, baik dari institusi kerajaan-majlis-majlis agama negeri, dan

³⁹ Lihat artikel penulis "Isu Nama Allah: Isu Akidah Bukan Perebutan Nama" dalam http://khairaummah.com/index.php?option=com_content&task=view&id=246&Itemid=170 (14 Mei 2008)

⁴⁰ Untuk pandangan beberapa ulama' tersohor lihat sebagai contoh Siddiq Fadzil. "Kontroversi Pemakaian Kalimat Allah: Suatu Pernyataan Keprihatinan" dalam <http://www.wadah.org.my/-kenyataan-media/54-info-wadah.html>; Rahmah Ghazali, "Haron Speaks for Himself" dalam <http://www.malaysiakini.com/news/121161>

⁴¹ Hujah al-Attas telah dibacakan semula oleh DYMM Raja Nazrin pada suatu majlis perasmian buku di UTM Kuala Lumpur pada 23 Februari 2010.

para ulama' dan ilmuwan yang independen dan beberapa NGO dapat disimpulkan bahawa dalam hal ini telah berlaku apa yang disebut sebagai Ijma' para ulama' di negara ini. Adapun pandangan yang menyalahinya boleh dikatakan sebagai pandangan yang aneh (*syādh*). Ini diperkuat lagi dengan kenyataan bahawa tidak terdapat kajian dan tulisan ilmiah yang menyokong penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam.

Terdapat sebahagian orang yang menggunakan pandangan Sheikh Yusuf al-Qaradawi dalam membenarkan penggunaan nama Allah oleh bukan Islam. Ketika datang ke negara ini beliau pernah ditanya tentang isu ini dan beliau memberi jawapan yang ringkas bahawa tiada masalah kerana di dalam al-Qur'an Allah adalah Tuhan bagi semua umat manusia.⁴² Penulis berpandangan beliau tidak diberikan maklumat yang cukup tentang konteks dan latar sejarah penggunaan nama Allah di negara ini, sehingga rujukan beliau adalah konteks negeri Arab seperti Mesir di mana masyarakat Kristian Koptik sememangnya telah menggunakan perkataan Allah sejak sekian lama, seperti mana Arab Jahiliyyah. Sebagaimana telah dijelaskan di atas, kelainan bahasa dan sejarah perlu diambil kira. Kegagalan beliau memahami konteks Malaysia, akibat tidak dijelaskan oleh penyoal, menyebabkan pandangan beliau dalam hal ini tidak benar. Ini kerana asas dalam memberikan fatwa atau pandangan dalam hukum hakam adalah kefahaman terhadap realiti sesuatu persoalan yang disebut sebagai *taṣawwur al-shay'* barulah berdasarkan kefahaman yang betul itu suatu hukum dapat diputuskan (*al-ḥukm 'ala al-shay' far'un 'an taṣawwurihi*). Pernyataan yang disiarkan di laman web beliau juga tidak membahas jantung persoalan. Beliau hanya membahas perkara yang kita sepakati bersama iaitu hakikat bahawa Allah adalah Tuhan seluruh alam semesta dan bukan persoalan penterjemahan *God* atau Tuhan menjadi nama Allah yang khusus dan telah diIslamisasikan. Selain daripada itu bukanlah sesuatu yang wajar persoalan yang timbul di suatu tempat ditanyakan kepada mujtahid di tempat yang lain. Sewajarnya ijtihad atau pandangan ulama tempatan perlu dihormati. Ijtihad dan pandangan beliau tidak harus membatalkan ijtihad dan pandangan ulama' di negara ini, sebagaimana dalam usul Fiqh dikenal prinsip suatu ijtihad

⁴² Perlu dicatat bahawa beliau tidak mengeluarkan fatwa yang jelas tentang hal ini. Laporan yang diterima hanya berupa soal jawab yang tidak disertakan dengan alasan dan penghujahan yang terperinci.

tidak membatalkan ijtihad yang lain: *al-ijtihād lā yunqadu bi al-ijtihād*. Khususnya apabila beliau melihat dari sudut konteks yang berbeza dengan konteks di mana isu ini timbul. Hal seperti ini berlaku di zaman Imam Shafi'i yang memberikan ijtihad yang berlainan ketika konteksnya berbeza, maka timbullah "pandangan lama", *qawl qadīm* dan "pandangan baru" *qawl jadīd*. Prinsip ini juga ditegaskan oleh Ibn al-Qayyim ketika berkata bahawa fatwa boleh berubah ketika situasi dan kondisi berubah. Kita juga perlu sedar bahawa Yusuf al-Qaradawi antara ilmuwan yang berseberangan dengan aliran pemikiran liberal/modenis dan aliran pemikiran Pseudo-Salafi, bahkan beliau sering dianggap fundamentalis dalam banyak perkara dan pernah dikafirkan/ disesatkan oleh golongan Pseudo-Salafi. Di negara ini kedua-dua aliran liberal dan literal inilah yang membenarkan penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam untuk merujuk Tuhan mereka. Yang satu berpegang kepada pluralisme agama dan yang kedua berpegang kepada literalisme dan tekstualisme. Maka tentu terdapat salah faham dan beliau tidak mendapat informasi yang cukup dan kerananya pandangannya dalam hal ini bukan pandangan yang tepat.

Oleh kerana isu ini adalah isu akidah dan kedaulatan Islam, ia mesti diasingkan daripada isu politik. Perbezaan ideologi politik tidak harus membutakan hati nurani kita daripada mengenali kebenaran. Umat Islam perlu sedar terdapat upaya berterusan oleh musuh-musuh Islam untuk memesongkan akidah mereka, melalui kristenisasi dan pluralisme agama. Umat Islam perlu bersatu dalam mendaulatkan Islam di negara ini dan berganding bahu mempertahankan agama, bangsa dan negara.

Ketika ini Malaysia ditekan oleh masyarakat antarabangsa khususnya media massa Barat agar akur dengan tuntutan orang bukan Islam. Keengganan masyarakat Islam di negara ini untuk membenarkan orang bukan Islam menggunakan nama Allah dianggap bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia yang 'universal'. Ke-universal-an hak asasi manusia yang ditaja oleh Barat sebenarnya adalah mitos. Hak asasi manusia yang sekular ini pada hakikatnya memancarkan nilai-nilai Barat yang 'modern' dan berakar pada individualisme dan liberalisme. Ketika hak asasi manusia tajaan Barat menekankan hak individu dan kelompok tertentu agar dihormati dan diagungkan, Islam menekankan agar manusia, baik secara individu mahupun kolektif, menghormati

agama, kepentingan manusia secara umum, keharmonian dan kesejahteraan bersama. Dalam Islam, agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta manusia adalah suci dan mesti dijaga dan dihormati. Kebebasan mestilah digunakan untuk melindungi masalah dan kepentingan manusia di atas, di mana agama menduduki tempat yang pertama, yang disebut oleh para ulama' klasik sebagai *al-darūriyyāt al-khamsah* (lima perkara yang terpenting). Menyedari keunggulan hak asasi manusia yang berdasarkan kepada wahyu Allah ini maka adalah tidak wajar umat Islam mengikuti dan tunduk kepada doktrin hak asasi manusia yang sekular itu.

Isu penggunaan nama Allah oleh bukan Islam melambangkan betapa seriusnya fenomena kehilangan adab di kalangan umat Islam, tidak terkecuali golongan intelektualnya. Adab di sini bukan hanya suatu sikap yang perlu ada bagi penuntut ilmu terhadap gurunya, atau dari orang bawahan kepada orang atasan, tetapi yang paling mendasar adalah pengakuan dan pengiktirafan akan adanya tempat tepat bagi segala sesuatu, termasuk diri sendiri dan orang lain, agar dapat meletakkannya pada tempat yang wajar dan tepat. Supaya yang tidak tahu menyedari ketidaktahuannya, lalu mahu mencari tahu dengan merujuk orang yang betul-betul tahu. Kita lihat bagaimana isu ini diperbincangkan tanpa merujuk kepada ilmuwan-ilmuwan yang berwibawa dalam bidangnya. Sebahagian orang yang memiliki sedikit ilmu dalam bidang tertentu cuba ber'ijtihad' di luar kemampuannya tanpa mengindahkan pandangan yang lebih bernas. Terdapat agamawan yang mencampur adukkan politik dengan urusan agama sehingga kecenderungan politiknya mempengaruhi pandangannya demi kepentingan politik dan kekuasaan. Kerana itu ulama'-ulama' muktabar tidak mahu terlibat dalam politik kepartian kluatir pandangannya dipengaruhi kepentingan politik. Jika kita umat Islam sendiri tidak beradab, tidak berlaku adil dan tidak jujur dalam mempertahankan agama Allah, maka sudah tentu pertolongan Allah akan jauh dan musuh-musuh Islam akan mengambil kesempatan ini untuk memecahbelahkan dan menzalimi umat Islam.

Rujukan

- Abd-Allah, Umar Faruq. "One God, Many Names," 7-8. Diterbitkan dalam laman web www.nawawi.org/downloads/article2.pdf (15 January 2010)
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972.
- _____. *Islam and Secularism*, diterbitkan oleh ABIM pertama kali pada 1978. Kuala Lumpur: ISTAC, 1993.
- _____. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: an Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC, 1995.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. *al-Iqtisād fī al-ʿItiqād*. Beirut: Dar al-Kutub al- ʿIlmiyyah, 1983.
- Ibn ʿAshur, *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunis: al-Dar al-Tunisiyyah li al-Nashr, 1984.
- Ibn Kathir, *Tafsīr al-Qurʿān al- ʿAzīm*, Riyad: Maktabah Dar al-Salam, 1992.
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad b. Mukarram. *Lisān al- ʿArab*. Kaherah: Tab ʿah Bulaq, t.t.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad Abd al-Halim. *Majmūʿ, Fatāwā Ibn Taymiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr, 1983.
- Khalif Muammar A. Harris. *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*, cetakan ke-2. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, 2009.
- _____. "Isu Herald: Ketika Agama Diheret Untuk Kepentingan Politik" dalam http://khairaummah.com/index.php?option=com_content&task=view&id=236&Itemid=105 (20 Januari 2008)
- _____. "Isu Nama Allah: Isu Akidah Bukan Perebutan Nama" dalam http://khairaummah.com/index.php?option=com_content&task=view&id=246&Itemid=170 (14 Mei 2008)
- _____. "Why Non Muslim Cannot Use the Word Allah" dalam http://khairaummah.com/index.php?option=com_content&task=view&id=275&Itemid=1 (2 Mac 2009)
- Rahmah Ghazali, "Haron Speaks for Himself" dalam <http://www.malaysiakini.com/news/121161>
- Safi, Louay "ISNA Commends Malaysian Court Ruling that Affirms Religious Freedom of Christians" dalam <http://www.isna.net/articles/Press-Releases/ISNA-Commends-Malaysian-Court-Ruling-that-Affirms-Religious-Freedom-of-Christians.aspx>. (4 Januari 2010)
- Al-Shahrastani, Muhammad b. Abd al-Karim. *Al-Milal wa al-Nihal*. Beirut: Dar al-Maʿrifah, 1997.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharīʿah*, Beirut: Dar Ihya al-Turāth al- ʿArabī, 2001.
- Siddiq Fadzil. "Kontroversi Pemakaian Kalimat Allah: Suatu Pernyataan Keprihatinan" dalam <http://www.wadah.org.my/kenyataan-media/54-info-wadah.html>
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Masyarakat Islam Hadhari: Suatu Tinjauan Epistemologi dan Kependidikan ke Arah Penyatuan Pemikiran Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

LAMPIRAN

PADERI INDONESIA MENGAKUI “ALLAH” ADALAH EKSKLUSIF UNTUK ORANG ISLAM

Seorang Paderi dari Indonesia Pdt. Jahja Iskandar Mth. mengakui bahawa kata “Allah” khas untuk umat Islam. Perakuan ini termuat dalam bukunya “Mengapa Nama YAHWEH Semakin Populer” yang diterbitkan oleh Pt Abiyah Pertama Jakarta (hlm. 116). Menurut beliau, kata yang tepat bagi nama Tuhan sembah orang Kristian berasaskan bahasa asli perjanjian lama, iaitu Ibrani ialah “Elohim” (hlm. 144, 145). Jika diterjemah ke bahasa Arab, maka kata yang tepat bagi menggantikan “Elohim” ialah “Ilah” bukan “Allah”. Ini berasaskan terjemahan paling awal ke bahasa Arab, iaitu Inskripsi Zabad, tahun 512M (hlm. 127).


2. Sehubungan itu, Yayasan Lentera Bangsa yang diasaskan oleh beliau telah menerbitkan KITAB SUCI Indonesia Literal Translation (KS-ILT). Terjemahan ini tidak lagi tertera nama “Allah” sebaliknya menggunakan “Elohim” sebagai nama sembah orang Kristian. Menurut Pdt Jahja Iskandar, penggunaan nama Allah dalam versi Terjemahan Baru Al Kitab (PL & PB) oleh Lembaga Al Kitab Indonesia adalah bertentangan dengan ketetapan Konferensi Para Penterjemah Al Kitab Bahasa Indonesia pada tahun 1952 yang diadakan di Jakarta, Konferensi ini menetapkan bahawa Nama HUWA/HOEWA/JOHOEWA hendaklah digantikan dengan “TUHAN” (hlm. 109).

3. Dalam suratnya kepada saya, beliau berharap agar KS-ILT dapat menjadi jalan keluar bagi menyelesaikan kemelut penggunaan nama “Allah” oleh umat Kristian di Malaysia. Beliau juga menyatakan kesediaan untuk datang ke Malaysia bagi memberi penjelasan jika diperlukan.


4. Dikemukakan di bawah ini lampiran-lampiran berikut :

- i) Pengenalan diri Pdt. Jahja Iskandar MTh.
- ii) Kulit Hadapan buku “Mengapa Nama YAHWEH Semakin Populer”
- iii) Halaman : 116, 144, 145, 127, 109 daripada buku di atas.
- iv) Salinan surat saya kepada Pdt. Jahja Iskandar MTh. Dan jawapan beliau.
- v) Halaman judul KITAB SUCI (ILT)
- vi) Halaman 1 kitab berkenaan.

Datuk Hj. Wan Zahidi bin Wan Teh
Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
28 Safar 1436/11 Januari 2013



Pdt. Jahja Iskandar, M.Th. adalah Gembala Jemaat GBT “Tuberta” Jakarta. Hamba Tuhan yang lahir di Jakarta, 6 Oktober 1955 ini juga adalah Pembina Yayasan Lentera Bangsa. Hari-harinya diisi dengan inspirasi, inovasi dan karya untuk turut serta membuat Nama YAHWEH semakin populer di Indonesia.



ini adalah salah satu akibat dari perkembangan bahasa atau yang secara umum disebut *gejala bahasa*. Sebagai contoh, di Indonesia kita kenal kata “*raja*” dalam pengertian *sebutan umum* bagi kepala pemerintahan dalam sebuah kerajaan, tetapi kemudian ada pihak yang memakainya sebagai *nama diri* (misalnya: Raja Inal Siregar). Sebaliknya, ada pula *nama diri* dari seorang tokoh dalam cerita Si Unyil, yaitu Pak Ogah, tetapi kemudian maknanya bergeser menjadi *sebutan umum* bagi orang atau sekelompok orang yang coba mengatur lalu lintas di tikungan-tikungan atau perempatan-perempatan jalan sambil mengutip uang dari para pengendara kendaraan bermotor. Nah, apabila kata “*Allah*” pun sama kasusnya seperti yang telah disebutkan di atas, dalam arti bahwa kata tersebut telah mengalami *gejala bahasa* yang merupakan akibat dari *perkembangan bahasa*, maka yang perlu dijawab oleh para ahli adalah fungsi manakah yang terlebih dahulu melekat pada kata “*Allah*” itu, fungsi sebagai *nama diri* atau sebagai *sebutan umum*?


Namun demikian, apabila kita lihat dalam realita sehari-hari, tidak dapat dipungkiri bahwa kata “*Allah*” secara umum lebih banyak dipahami dan berkonotasi sebagai *nama diri Tuhan* atau *Sembahan yang khas Islami*. Dari ungkapan yang kita dengar sehari-hari dalam takbir azan: “*asyhadu an-laa ilaha illallah*” yang artinya: “*kami bersaksi bahwa tiada Tuhan selain Allah*”, jelas ditunjukkan kepada kita bahwa kata “*Allah*” berkonotasi *nama diri* dan tidak mungkin berkonotasi *sebutan umum*. Begitu pula dalam setiap terjemahan *Al-Quran* baik ke dalam bahasa Inggris maupun ke dalam bahasa Indonesia yang sejauh ini penulis ketahui, kata “*Allah*” tidak pernah diterjemahkan menjadi “*God*” atau “*Tuhan*” melainkan tetap tertulis “*Allah*”. Itu

Mengapa Nama YAHWEH Semakin Populer

Namun demikian, karena rupanya tetap tidak begitu mudah untuk menyelesaikan persoalan yang telah sangat mengakar dalam tradisi penerjemahan. Masih banyak hal yang membutuhkan usaha dan kerja keras dalam upaya penyesuaian kedua kata tersebut. Di mana salah satunya adalah berkaitan dengan makna kata *Ilah* itu sendiri yang berada pada posisi "netral" dalam penggunaannya. Maksudnya, kata itu di satu sisi dapat tampil sebagai "Ilah", tetapi di sisi lain dapat pula tampil sebagai "ilah". Artinya, kata itu dapat mempunyai konotasi sebagai *Tuhan monoteistik*, tetapi di tempat lain dapat pula dipakai untuk menyebut *sembahan politeistik*. Sementara dari kaca mata *pemikiran ortodoks*, tidak mungkin dan tidak pantas untuk menyandingkan *Tuhan monoteistik* dengan *sembahan politeistik* dengan sebuah istilah yang sama. Maka jalan keluar terbaiknya adalah mau tidak mau harus dicarikan *kata baru* yang dapat dipakai *secara khusus* untuk menunjuk *Tuhan monoteistik*.

Dengan melihat kepada **bahasa asli Perjanjian Lama**, yaitu bahasa **Ibrani**, di mana kata yang sedang kita persoalkan bersama ini tertulis (transliterasinya) **Elohim**. Maka alangkah baiknya jika kita mencoba menggunakan kata tersebut sebagai *alternatif pilihan*. Apalagi jika kita melihat *bentuk dan fungsi* kata tersebut yang sangat cocok dengan *kepercayaan Kristen* pada umumnya, yaitu bahwa kata tersebut sebenarnya adalah kata yang *berbentuk plural*, tetapi dalam fungsinya ia bisa *berfungsi singular (Elohim)* selain *fungsi pluralnya (elohim)* yang memang melekat pada *bentuknya*. Tentu saja proses *pen'comotan'nya* adalah dengan menarik kata tersebut masuk ke dalam ranah bahasa Melayu dan bahasa Indonesia sebagai *kata serapan (kosa kata baru yang berasal dari bahasa lain)*. Sehingga untuk selanjutnya, karena yang diperlukan adalah kata yang akan difungsikan untuk menjadi sebutan bagi *Tuhan*

Mengapa Nama YAHWEH Semakin Populer



« (ب) م الاله شرحویر... مع قیوقوف... برمر القیصر
و شرحویر سعد و سبتر و (شر) یحو... »

Inskripsi Zabad 512 M

Mengapa Nama YAHWEH Semakin Populer

mentransliterasinya menjadi "HUWA".

- b. Tahun 1879, **H.C. Klinkert** juga menerjemahkan Kitab Suci ke dalam bahasa Melayu dengan tetap mempertahankan *Nama* YAHWEH. Ia mentransliterasi kata tersebut dengan "HOEWA atau JEHOEWA atau TOEHAN HOEWA dan Toehan HOEWA.
- c. Tahun 1906, **P. Janz** menerjemahkan Kitab Suci ke dalam bahasa suku Jawa. Di sini ia tetap mempertahankan *Nama* YAHWEH, hanya saja ia mentransliterasinya dengan "YEHUWAH".
- d. **Rinsje**, tenaga Zendeling untuk Tanah Batak, memakai kata "JEHOWA atau DJAHOVA" untuk mentransliterasi *Nama* YAHWEH. Sementara tenaga Zendeling untuk orang Nias, memakai kata "JEHOFA" untuk mentransliterasi *Nama* YAHWEH.
- e. **W.G. Shellabear** menerjemahkan Kitab Suci ke dalam bahasa Melayu/Indonesia pada tahun 1927-1929. Ia menerjemahkan *Nama* YAHWEH menjadi "Allah", sedangkan kata "Elohim" diterjemahkan menjadi "Tuhan".
- f. Pada tahun 1952 diadakan *Konferensi Para Penerjemah Alkitab bahasa Indonesia* di Jakarta dan dalam konferensi itu ditetapkan bahwa *Nama* HUWA/HOEWA/JEHUWA/JEHOEWA sejak saat itu diganti dengan "TUHAN".
- g. **Lembaga Alkitab Indonesia** yang berdiri pada tahun 1954 tentu saja dalam menerjemahkan dan menerbitkan Alkitab harus mengikuti hasil keputusan konferensi tahun 1952 tersebut. Dengan demikian, dalam setiap terbitan LAI berbahasa

LAMPIRAN IV

Datuk Hj Wan Zahidi bin Wan Teh
Tingkat 10, Menara Pusat Islam,
Jalan Perdana,
50676 Kuala Lumpur
MALAYSIA.

Tel. : 03-22722919
H/P : 017-6305765

30 Jun 2010

Saudara Pdt. Jahja Iskandar, M.Th,
Pt, Abiyah Pratama,
Kompleks Ruko Cempaka Mas
Blok K-31, Jakarta Pusat 10640
INDONESIA.

Salamun 'Ala Manittba' alhuda!

Saudara,

Sewaktu berkunjung ke Jakarta baru-baru ini, saya membeli buku saudara "**Mengapa Nama YAHWEH semakin popular**". Persoalan yang dibahas dalam buku ini menarik perhatian saya, kerana sebahagiannya, iaitu isu nama "*Allah*" merupakan isu yang juga hangat dibincangkan di Malaysia.

Saya dapati perbahasan yang terdapat dalam buku ini bersifat ilmiah dengan menggunakan sumber-sumber rujukan yang autentik, sama ada dalam agama Kristian maupun Islam. Dengan demikian tidak hairanlah kongklusi saudara " bahawa kata "*Allah*" secara umum lebih banyak dipahami dan berkonotasi sebagai nama diri Tuhan atau sembah yang khas Islami", adalah tepat sekali. Demikian juga rumusan saudara " bahawa "*Allah*" adalah nama diri yang khas bagi sembah saudara-saudara Muslim, dan bukan merupakan kata jadian yang berasal dari kata "*al*" dan kata "*ilah*", adalah bertepatan dengan pandangan terkuat yang terdapat dalam kitab-kitab yang

berautoriti dalam agama Islam. Saya sesungguhnya amat berterima kasih di atas kedua-dua kesimpulan ini. Saya juga yakin bahawa solusi yang saudara utarakan di bahagian akhir buku ini dapat menjadi jalan keluar bagi kontroversi penggunaan nama “Allah” antara penganut Islam dan Kristian, serta mampu mengekalkan kerukunan hidup antara umat beragama. Adalah amat dihargai jika solusi ini dapat saudara panjangkan kepada pucuk pimpinan Kristian di Malaysia dalam rangka mencari penyelesaian kepada isu yang berbangkit ini.

Seperti yang saudara sebutkan, kata “Allah” memang tidak pernah diterjemahkan, yang membawa arti bahawa kata “Allah” dalam pengertian Islam adalah merupakan morfem bebas atau kata dasar yang berdiri sendiri. Bagi mengukuhkan pernyataan ini, saya perturunkan disini nota oleh Muhamad Marmaduke Pickthall, seorang Inggeris Muslim yang menterjemah Quran ke Bahasa Inggeris dalam “*The Meaning of The Glorious Quran*”. Surah 1: “*I have retained the word Allah throughout, because there is no corresponding word in English. The word Allah (the stress is on the last syllable) has neither feminine nor plural, and has never been applied to anything other than the unimaginable Supreme Being. I use the word “God” only where the corresponding word ilah is found in the Arabic*”.

Mengenai pendapat yang mengatakan bahawa “Allah” adalah nama diri yang khas, dan bukan merupakan kata jadian yang berasal dari kata “al” dan kata “ilah” seperti yang saudara cenderung menerimanya itu, memang merupakan pendapat yang terkuat di kalangan ulama Islam berasaskan hujah-hujah yang telah saudara nukilkan daripada sumber *wikipedia*. Pendapat ini juga disokong oleh kaedah bahasa Arab bahawa “al” tidak boleh bertemu dengan huruf *nida*’ (kata seru), seperti Ya. Jika didahului oleh huruf ‘*nida*’ maka ‘*al*’ mesti ditiadakan seperti : يَا رَحْمَن (Ya Rahman). Adalah salah jika disebut : يَا الرَّحْمَن (Yar Rahman). Tetapi kalimah “Allah” boleh didahului dengan huruf *nida*’ seperti : يَا اَللّٰه (Ya Allah). Ini menunjukkan bahawa “al” pada kalimah “Allah” bukanlah “al” *ma’rifat* atau *definite article* seperti *the* dalam bahasa Inggeris, tetapi ianya adalah bahagian daripada kata dasar “Allah” yang autentik dan tidak berasal dari kata lain (*gharu musy taq*).

Adapun kemuskilan yang saudara bangkitkan mengenai kata yang terdapat dalam ungkapan-ungkapan seperti “*Bismillah*” dan “*Alhamdulillah*”, samada ia kata “Allah” atau “ilah”, sebenarnya persoalan ini tidak berbangkit. Berasaskan kaedah bahasa Arab,

ia adalah jelas kata “Allah” bukan “Ilah”. Ini ialah kerana “Alif” pada kalimat “Allah” adalah *hamzah wasl*. Menurut kaedah bahasa Arab, *hamzah wasl* tetap ada pada bacaan jika berada di awal kalimat seperti : (إِسْمٌ) yang bacaannya: *ismun*. Tetapi ia digugurkan (tidak di baca sekalipun tulisannya ada) jika berada di tengah kalimat, seperti : (وَأَسْمٌ) yang di baca : *wasmun*. Adalah salah jika di baca *waisimun*. Manakala *hamzah qata'* pula, ia tetap dibaca samada di awal atau ditengah kalimat, seperti (وَاللَّهُ) yang dibaca : *illah wailah*

Berkenaan dengan penempatan kata “Allah” dalam konkordans al-Quran “Al-Mu’jam al-Mufahras” di bawah judul *hamzah*, ia sebenarnya dibuat mengikut sistem perkamusan Arab yang menempatkan dalam bab yang sama *alif* dan *hamzah*. Dalam kamus Arab terdapat 28 judul sahaja, walaupun huruf hijaiyah ada 29 daripada segi tulisan, iaitu *alif* dan *hamzah* ditulis berasingan. Jika dibuka *kamus Idris Almarbawi* misalnya, pada judul pertama kita akan dapati begini : (الألف - أ). Konkordans “Al-Muzjam al-Mufahras” ditulis mengikut sistem perkamusan. Oleh itu kedudukan ini tidak bermakna bahawa kata “Allah” berasal daripada kata “ilah”.

Dalam buku tersebut, saudara ada menyebut mengenai penerbitan *Kitab Suci Indonesia Lateral Translation*. Sewaktu di Jakarta saya cuba mendapatkannya daripada beberapa toko buku, tetapi tidak berhasil. Saya tidak pasti sama ada ia merupakan cetakan terhad yang tidak dijual atau telah kehabisan di pasaran.

Sekadar ini yang dapat saya tuliskan untuk kali ini. Semoga pertukaran pandangan seperti ini akan dapat menemukan solusi yang terbaik dalam memelihara keharmonian antara umat beragama serta mewujudkan suasana saling memahami antara satu dengan yang lain.

Terima kasih. Wassalam.

Yang benar,



(DATUK WAN ZAHIDI BIN WAN TEH)

Pdt. Jahja Iskandar, MTh.
Yayasan Lentera Bangsa
Kompleks Ruko Cempaka Mas Blok K-31,
Jakarta Pusat 10640
INDONESIA

Email: jahja.iskandar@gmail.com

Jakarta, 22 Juli 2010

Kepada Yang Terhormat:
Datuk Hj Wan Zahidi bin Wan Teh
Tingkat 10, Menara Pusat Islam,
Jalan Perdana
50676 Kuala Lumpur
MALAYSIA

Shalom Aleichem,
Datuk yang terhormat (mohon maaf bila saya salah menyebut dengan panggilan "Datuk"),

Sekali lagi saya mohon maaf, karena baru hari ini menjawab surat Datuk yang telah lama saya terima. Satu hari setelah menerima surat Datuk, saya harus berangkat ke Australia selama 2 (dua) minggu untuk sebuah program yang telah lama direncanakan. Sekembali dari Australia barulah saya benar-benar membaca surat Datuk.

Saya sangat senang setelah membaca surat Datuk, oleh karena Datuk berpendapat bahwa solusi terhadap kontroversi penggunaan nama "Allah" antara penganut Islam dan Kristen yang ditawarkan buku saya, dapat menjadi jalan keluar, bahkan dianggap mampu mengekalkan kerukunan hidup antara umat beragama, khususnya apabila solusi ini dapat diteruskan dan diterima oleh para pemimpin Kristen di Malaysia. Terima kasih juga untuk tambahan penjelasan mengenai "alif" pada kata "Allah" adalah "hamzah washl" yang bisa gugur jika berada di tengah kalimat. Juga penjelasan tentang perkamusan Arab.

Mengenai Kitab Suci Indonesian Literal Translation (KS-ILT), terlampir saya kirimkan 1 (satu) copy untuk Datuk (free of charges). Dalam KS-ILT ini, tidak lagi termuat kata "Allah", karenanya kami berfikir, kitab Suci ini pasti bisa menjadi solusi bagi problema yang sedang dihadapi oleh Kekristenan di Malaysia. Kitab Suci ini adalah hasil terjemahan dan penerbitan dari Yayasan Lentera Bangsa, sebuah foundation yang baru kami dirikan tahun 2004 untuk menerjemahkan secara literal Kitab Suci Kristen dari bahasa aslinya dan menerbitkannya untuk umum. Foundation ini berkedudukan hukum yang sah (legal), namun karena masih baru dibandingkan foundation serupa yang telah lama ada di Indonesia (Yayasan Lembaga Alkitab Indonesia), maka keberadaannya masih dipandang sebelah mata oleh banyak kalangan. Banyak toko buku yang belum bersedia mendisplay dan memasarkan KS-ILT, walaupun sebenarnya kami mempunyai persediaan cukup banyak untuk bisa dipasarkan secara umum kepada masyarakat.

Harapan saya, Datuk dapat meneruskan informasi yang telah didapatkan melalui buku saya, maupun melalui adanya/tersedianya KS-ILT ini kepada pihak-pihak yang berkepentingan di Malaysia, agar segala permasalahan yang timbul segera dapat diatasi. Saya selalu siap untuk dipanggil guna memberikan "seminar/penjelasan" mengenai hal ini bila diperlukan, asalkan dalam bahasa Indonesia.

Demikianlah yang dapat saya sampaikan kepada Datuk untuk saat ini. Terima kasih atas perhatian dan concern Datuk yang begitu besar dalam coba menjaga keharmonian antara umat beragama. Kiranya Tuhan Yang Maha Besar, mengaruhiakan berkat berkelimpahan kepada Datuk sekeluarga.

Hormat saya,



Pdt. Jahja Iskandar, MTh.
Pembina Yayasan Lentera Bangsa

KITAB SUCI

KITAB SUCI

PERJANJIAN LAMA dan PERJANJIAN BARU

<u>Perjanjian Lama:</u>					
		KITAB SUCI			
Keluaran	Kej	1	Levitik	Lev	45
Keluaran	Kel	50	Yohanes	Yoh	112
Imamat	Im	145	Kisah Para Rasul	KsA	144
Bilangan	Bil	145	Roma	Rm	185
INDONESIAN LITERAL TRANSLATION					
(ILT)					
Diterjemahkan dari Hebrew-Greek-English Bible dengan lebih mendekati literal					
Rut	Rut		1 Timoteus	1Tim	213
1 Samuel	1Sam	310	2 Timoteus	2Tim	239
2 Samuel	2Sam	354	Kolese	Kol	243
1 Raja-Raja	1Raj		1 Tesalonika	1Tes	217
2 Raja-Raja	2Raj		2 Tesalonika	2Tes	251
1 Tawarikh	1Taw		Timoteus	Tim	253
2 Tawarikh	2Taw	464	Titus	Tit	258
Ezra	Ezr		THE INTERLINEAR BIBLE		
Nehemia	Neh		Galatia	Gal	262
Ester	Est		1 Korintus	1Kor	265
Ayub	Ayb		2 Korintus	2Kor	297
Mazmur	Mzm	576	1 Petrus	1Pet	282
Amsal	Ams	675	2 Petrus	2Pet	287
Penghotbah	Pkh	708	1 Yohanes	1Yoh	290
Kidung Agung	Kid	747	2 Yohanes	2Yoh	295
Yesaya	Yes	723	3 Yohanes	3Yoh	296
Yeremia	Yer		Yudas	Yud	297
Ratapan	Rat		Wilyam	Wily	298
Yehezkiel	Yeh				
Daniel	Dan				323
Hosea	Hos				
Yoel	Yoi				
Amos	Am				
Obaja	Ob				333
Yunus	Yun				334
Mikha	Mi				335
Nahum	Nah				336



YAYASAN LENTERA BANGSA
Jakarta-Indonesia

KEJADIAN

Penciptaan

1 Pada awalnya^a Elohim^b menciptakan langit dan bumi. ²Bumi dalam keadaan tidak berbentuk dan kosong^c, dan kegelapan menutupi samudera raya, dan Roh Elohim bergetar melingkup^d di atas permukaan air. ³Lalu Elohim berfirman, "Jadilah terang." Dan terang itu jadi. ⁴Elohim melihat bahwa terang itu baik, lalu Elohim memisahkan terang itu dari gelap. ⁵Elohim menyebut terang itu siang dan gelap itu malam. Dan jadilah petang dan jadilah pagi, itulah hari pertama.

⁶Dan Elohim berfirman, "Jadilah cakrawala di tengah segala air untuk memisahkan air dari air." ⁷Dan Elohim membuat cakrawala dan memisahkan air yang ada di bawah cakrawala itu dengan air yang ada di atasnya. Dan jadilah demikian. ⁸Lalu Elohim menyebut cakrawala itu langit. Dan jadilah petang dan jadilah pagi, itulah hari kedua.

⁹Dan Elohim berfirman, "Hendaklah semua air yang ada di bawah langit berkumpul pada satu tempat, dan biarlah tanah yang kering itu tampak." Dan jadilah demikian. ¹⁰Dan Elohim menyebut yang kering itu daratan dan kumpulan air itu disebut-Nya lautan. Elohim melihat bahwa semuanya itu baik. ¹¹Lalu Elohim berfirman, "Hendaklah daratan menumbuhkan rerumputan, tanaman biji-bijian dan berbagai jenis pohon buah-buahan yang bijinya ada di dalamnya, yang menghasilkan buah sesuai jenisnya, di muka bumi." Dan jadilah demikian. ¹²Dan daratan itu menumbuhkan rerumputan dan berbagai jenis tanaman biji-bijian serta berbagai jenis pohon buah-buahan yang berbiji, yang menghasilkan buah sesuai jenisnya. Dan Elohim melihat semuanya itu baik. ¹³Dan jadilah petang dan jadilah pagi, itulah hari ketiga.

¹⁴Dan Elohim berfirman, "Jadilah benda-benda penerang pada cakrawala di langit untuk menjadi pemisah antara siang dan malam, dan akan menjadi tanda-tanda dan penentu waktu-waktu, dan hari-hari, serta tahun-tahun. ¹⁵Dan

semuanya itu menjadi penerang pada cakrawala di langit untuk memberi penerangan di atas bumi." Dan jadilah demikian. ¹⁶Dan Elohim menjadikan dua benda penerang. Benda penerang yang besar untuk menguasai siang dan benda penerang yang kecil serta bintang-bintang untuk menguasai malam. ¹⁷Dan Elohim menempatkan semuanya itu pada cakrawala di langit untuk memberi penerangan pada bumi. ¹⁸Dan untuk menguasai siang dan malam, serta untuk memisahkan antara terang dan gelap. Dan Elohim melihat bahwa semuanya itu baik. ¹⁹Dan jadilah petang dan jadilah pagi, itulah hari keempat.

²⁰Dan Elohim berfirman, "Biarlah yang berkeriapan, yang bernyawa, yang hidup, mengeriapi di dalam air, dan biarlah burung-burung beterbangan di atas bumi, di atas permukaan cakrawala, di langit." ²¹Lalu Elohim menciptakan binatang-binatang laut yang besar, dan segala yang bernyawa, yang hidup, yang merayap, yang berkeriapan dalam air, menurut jenisnya; dan segala burung yang bersayap, menurut jenisnya. Dan Elohim melihat bahwa itu baik. ²²Dan Elohim memberkati semuanya itu sambil berfirman, "Berkembangbiaklah dan berlipatgandalah dan penuhilah air di lautan, dan biarlah burung-burung di bumi berlipat ganda." ²³Dan jadilah petang dan jadilah pagi, itulah hari kelima.

²⁴Dan Elohim berfirman, "Hendaklah bumi mengeluarkan makhluk-makhluk hidup menurut jenisnya: hewan, binatang merayap, dan binatang liar menurut jenisnya." Dan jadilah demikian. ²⁵Dan Elohim menjadikan binatang liar di bumi menurut jenisnya, dan hewan menurut jenisnya, dan segala yang merayap di tanah menurut jenisnya. Dan Elohim melihat bahwa semuanya itu baik. ²⁶Dan Elohim berfirman, "Marilah Kita membuat manusia dalam citra Kita, menurut rupa Kita, dan biarlah mereka berkuasa atas ikan-ikan di laut, dan atas burung-burung di langit, dan atas ternak, dan atas seluruh bumi^e, dan atas segala yang melata yang merayap di muka bumi."

^a Pada awalnya (JGLT: *In the beginning*; MT: בראשית).

^b Elohim (JGLT: *God*; MT: אלהים).

^c tidak berbentuk dan kosong (JGLT: *without form and empty*; MT: ריק ופסול).

^d bergetar melingkup (JGLT: *moving gently*; MT: רוח רפוף) = menggerami.

^e dan atas seluruh bumi (JGLT: *and over all the earth*; MT: וכלל הארץ). Versi lain: binatang liar.

1:3= 2Kor. 4:6 1:6-8= 2Pet. 3:5 1:26= 1Kor. 11:7

Sedutan petikan kitab al- Muqaddimah al- Kubra karangan al-‘Allamah al-‘Arif Billah As-Syaikh Ismail Bin Abdullah al-Minankabawi al-Khalidi al-Naqsyabandi (W 1280 H/ 1863 M) :

“Soalan : Apakah makna kalimah Allah?

Jawapan : Allah itu adalah nama bagi Zat yang Wajib al-Wujud (Allah) yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan”.

“Soalan : Adakah nama Allah itu nama khas bagi Allah atau nama am?

Jawapan : Allah itu adalah nama khas sama ada pada lafaznya mahupun pada maknanya, kerana lafaz tersebut hanya nama khusus bagi Tuhan kita yang menjadikan sekalian alam dan haram menamakan yang lain dengannya. Dan nama yang khas milik Zat yang Wajib al-Wujud (Allah) yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan iaitu sifat nafsiyyah, Salbiyyah, Ma‘ani dan Maknawiyyah adalah nama yang menghimpunkan nama Zat dan nama segala sifat dan segala perbuatan-Nya.”